



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali memuji perjalanan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka pada 28 Feb hingga 3 Mac lalu.
Foto: Mohd Azren Jamaludin

2&3

DUN Melaka matang

Bukit Melaka : Tukar nama, bukan sejarah

4



BUKIT St Paul bakal dikenali sebagai Bukit Melaka.



Salah
dilantik
Pegawai
Kewangan
Melaka

19

Senarai pemenang
Anugerah Projek/
Program Terbaik &
Anugerah Kajian
Penilaian Outcome
Melaka 2021

6

Angkat martabat bola sepak wanita

32



DUN Melaka lulus dua RUU

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka bersetuju meluluskan dua Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen membabitkan Perlembagaan Negeri Melaka Pindaan 2022 dan Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Pindaan 2021.

Kedua-dua enakmen itu mendapat sokongan penuh ahli dewan iaitu 25 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bersetuju manakala tiga ADUN tidak hadir.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, bagi Enakmen membabitkan Perlembagaan Negeri Melaka Pindaan 2022, kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah pun meluluskan cadangan usul menurunkan had umur calon kepada 18 tahun pada 8 Distahun lalu.

Ia mengikut Seksyen 5 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang dipinda melalui Seksyen 4 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 (Akta A1603).

Manakala satu lagi RUU diluluskan ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam



SULAIMAN bersama ahli dewan mengangkat tangan sebagai tanda menyokong pindaan enakmen yang diusulkan pada Persidangan DUN Melaka. Foto: Mohd Azren Jamaludin

Negeri Melaka (Pindaan 2021) yang dipinda selepas dua dekad.

Sulaiman berkata, pindaan RUU pentadbiran agama Islam itu bertujuan memperkukuhkan lagi pelaksanaan hukum syarak, pentadbiran Mufti negeri, baitulmal, zakat dan pengu- rusan masjid.

Beliau berkata, Melaka perlu bergerak seiring negeri-negeri lain seperti Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu dalam memperkasa pentadbiran agama Islam.

"Sesungguhnya manhaj Ahli Sunnah Waljamaah bersifat wasatiyyah iaitu sederhana, hidup dalam perpa-

dua dan berkash sayang.

"Ini akan memastikan umat Islam berpegang kepada ajaran Islam sebenar berpandukan al-Quran dan imtiyaz para ulama sekali gus menyekat daripada fahaman ajaran sesat serta ekstremis.

"Pelaksanaan ini bukan saja membabitkan pentadbi- ran Islam sebaliknya bersifat

inklusif kerana turut mem- beri fokus kepada pembang- unan pendidikan, zakat dan wakaf," katanya.

Sementara itu, Tumi- nah Kadi (BN-Pantai Kun- dor) ketika perbahasan menyambut baik perkara itu dan menyifatkan pindaan enakmen mampu memper- tingkatkan kualiti penguru-

san zakat di negeri ini.

Manakala Ketua Pem- bangkang Adly Zahari (Ama- nah-Bukit Katil) berkata, enak- men itu akan memperkasa- kan pentadbiran Islam yang perlu menjauhi nilai assa- biah, rasuah dan kezaliman.

"Kerajaan negeri perlu memperjuangkan nilai Islam yang mengambil kira per- juangan nilai politik yang baik.

"Perubahan ini juga akan mempertingkatkan nilai ketuhanan kita daripada pelbagai masalah yang akan menaikkan kemarahan rak- yat," katanya.

Dalam pada itu, Penga- rah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat menganggap pindaan itu sebagai cukup penting dalam mengelakkan umat Islam khususnya di ne- geri ini daripada terbabat da- lam aktiviti boleh mem- songkan akidah seperti aja- ran sesat.

Pada masa sama, ujar- nya, pindaan enakmen itu juga telah menaikkan kadar hukuman bagi kegiatan pun- gutan wang khairat tanpa kebenaran atau menyalahi syarak ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Pembangkang boleh bantu tunai manifesto - Sulaiman

Faris Haikal Zakaria

SERI NEGERI - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengalu-alukan kerjasama daripada pihak pembangkang untuk membantu barisan kerajaan negeri merealisasikan mani- festo.

Menurutnya, perkara itu di- buktikan menerusi pelantikan sebahagian Ahli Dewan Undan- gan Negeri (ADUN) daripada

bukan kerajaan menganggotai Majlis Jawatankuasa Khas Men- angani COVID-19 dan Jawa- tankuasa Mesyuarat Peringkat Daerah.

Katanya, kerjasama itu sela- ras dengan pegangan Islah iaitu mentransformasikan serta mem- bina kesepakatan antara kedua- dua belah pihak.

"Saya minta kepada semua wakil-wakil rakyat, ahli-ahli De- wan Undangan Negeri fahamkan

surah Hud seperti yang saya mak- lumkan dalam dewan tadi iaitu Qulli Islah yang mana kita mesti buat sesuatu perkara dengan pe- nuh tanggungjawab.

"Kita bukan macam dulu lagi. Kita kena ada muafakat dan kese- pakatan antara kerajaan dan bu- kan kerajaan yang saya anggap sebagai rakan strategik.

"Samalah seperti menunai- kan manifesto ini. Ia bukan tanggungjawab saya seorang te-

tapi mereka di pihak bukan ke- rajaan pun boleh membantu untuk kita sama-sama mereali- sasiakannya. Apa salahnya, bu- kan?," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di Seri Negeri, Ayer Keroh.

Mengulas lanjut, ujarnya, persidangan selama empat hari bermula 28 Feb lalu itu dilihat ber- jalan lancar dengan 16 soalan lisan

berjaya dijawab.

Justeru, beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas komi- ten yang ditunjukkan oleh 28 ADUN Melaka selama tempoh bersidang.

"Saya juga mengucapkan ri- buan terima kasih kepada Datuk Wira Speaker dan Datuk Tim- balan Speaker yang telah men- gendalikan persidangan kali ini lebih cantik dan teratur," kata- nya.

DUN Melaka bukan lagi 'sarkas' - Sulaiman

SERI NEGERI 2 Mac - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengucapkan penghargaannya kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang menun- jukkan kematangan dalam berpolitik sepanjang tiga hari Per- sidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) berlangsung.

Sulaiman berkata, persidangan menunjukkan pemuafa- katan yang baik antara kerajaan dan pembangkang dengan kedua-dua belah pihak mengamalkan konsep keterbukaan dalam usaha menyelesaikan isu rakyat.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua ADUN yang hadir kali ini kerana mengamalkan konsep keterbukaan dalam setiap permasalahan yang perlu diselesaikan.

"Apa juga masalah kita boleh berbincang dan tiada per- kara yang tidak boleh diselesaikan. Tidakkah seperti persidangan sebelum ini ramai berpusu-pusu ingin menonton

persidangan DUN yang dilihat umpama 'sarkas'.

"Alhamdulillah semua berjalan dengan lancar termasuk- lah usaha membentangkan usul yang dipersertujui semua pihak demi pembangunan rakyat Me- laka," katanya pada sidang media Per- sidangan DUN Melaka di Seri Negeri, 2 Mac lalu.

Sementara itu berdasarkan pemer- hatian Melaka Hari Ini, Persidangan DUN bermula 28 Feb hingga 3 Mac lalu, memperlihatkan kematangan dalam ka- langan ADUN yang tidak lagi bertikam lidah, berbalah antar-asatu samalain se- perti sebelum ini.

Malah, sidang dikendalikan Spea-

ker DUN, Datuk Wira Ibrahim Durum berlangsung ber- langsung dalam suasana tenang dan mengikut jadual dite- tapkan.

Ditropolis Oleh: Harakah Online dan RASULULHAWA. SAW (Insan) - Sesungguhnya, adalah memancing. Untuk semua berjumpa Allah, utamakan daripada solatinya seorang diri dengan dua puluh lima beribadat.						
WAKTU SOLAT						
07 Mac - 13 Mac 2022 (4 Syaban - 10 Syaban 1443H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
07 Mac 2022	6.12am	7.20am	1.25pm	4.36pm	7.26pm	8.35pm
08 Mac 2022	6.12am	7.20am	1.24pm	4.35pm	7.26pm	8.35pm
09 Mac 2022	6.12am	7.20am	1.24pm	4.34pm	7.26pm	8.35pm
10 Mac 2022	6.11am	7.19am	1.24pm	4.34pm	7.26pm	8.34pm
11 Mac 2022	6.11am	7.19am	1.24pm	4.33pm	7.25pm	8.34pm
12 Mac 2022	6.11am	7.19am	1.23pm	4.32pm	7.25pm	8.34pm
13 Mac 2022	6.10am	7.18am	1.23pm	4.31pm	7.25pm	8.34pm

Hentikan pembangunan di kawasan 'wetland'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengesahkan kawasan tanah bencah (wetland) tidak akan dibenarkan lagi untuk menjalankan apa jua projek pembangunan.

Beliau berkata, perkara itu telah dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan dijangka akan diwartakan dalam masa terdekat.

Menurutnya, hal itu penting dalam mengurangkan masalah banjir yang ber-

laku khususnya membabitkan perumahan di kawasan pinggir sungai dan paya di negeri ini.

"Disebabkan fenomena cuaca yang tidak menentu, kita tidak akan lagi membenarkan projek pembangunan di kawasan wetland dan kawasan-kawasan rendah.

"Baik wetland sungai mahupun kawasan darat kita tidak lagi benarkan kerana wetland merupakan kawasan pengumpulan air dan ia secara semulajadi terletak di kawasan rendah.

"Jadi sekarang tiada

lagi. Tetapi jika ada pembangunan terpaksa dilaksanakan di kawasan itu saya minta satu kajian terperinci dilakukan terlebih dahulu sebelum diluluskan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas ucapan penggulungan penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, 3 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman memaklumkan kerajaan negeri juga meminta semua projek pembangunan di kawasan rendah ditinggikan dua kali ganda berbanding

ketetapan sebelum ini.

Jelasnya, ia bagi mengelakkan kawasan itu dinaiki air lebih cepat sekiranya berlaku musim hujan sekali gus menambah lokasi 'hotspot' banjir di negeri ini.

"Perkara itu, meninggikan projek pembangunan telah kita tekankan kepada semua pemaju kerana kita tidak mahu nanti kerajaan negeri yang dicari mangsa terlibat sedangkan pihak pemaju bersikap lepas tangan," ujarnya.

Terdahulu, EXCO Pengurusan Banjir negeri Datuk



SULAIMAN ketika berucap pada penggulungan penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, 3 Mac lalu. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Rahmad Mariman ketika menjawab soalan lisan Low Chee Leong (DAP-Kota Lak samana) memaklumkan kerajaan negeri akan menca- dangkan agar kawasan 'wet- land' diwartakan sebagai kawasan bebas projek pembangunan.

Kereta elektrik: Melaka terima tiga tawaran pelaburan

SERI NEGERI - Kerajaan negeri sedang mengenal pasti beberapa kawasan baharu di Melaka bagi membangunkan kilang pemasangan kereta elektrik pertama di negeri ini.

EXCO kanan Perindustrian dan Pelaburan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata Melaka menerima tawaran tiga syarikat di China yang berminat untuk menjadikan negeri ini sebagai platform membina kilang kereta 'masa depan' itu.

Katanya, ia termasuklah dari sebuah syarikat pengeluar kenderaan e-hailing dan sebuah lagi syarikat bas elektrik.

"Kita (Melaka) sedang berusaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan baharu bagi menjalankan operasi kilang pemasangan kereta elektrik yang pertama di mana selepas langkah bersama sebuah syarikat China tempoh hari, (dan) kita dapat beber-

apa lagi tawaran.

"Kita cuba menjadi yang pertama dalam pembinaan kilang ini dan saya bertanggungjawab untuk merealisasikan perkara itu.

"Saya percaya dengan terbinanya kilang itu nanti, ia akan memberikan pulangan kepada rakyat sekali gus menyediakan pekerjaan dalam industri kereta masa depan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka ke-15 di sini, 28 Feb lalu.

Sebelum ini, media melaporkan Melaka bakal menjadi pusat pemasangan kereta elektrik (EV) pertama negara yang dijangka akan beroperasi seawal suku ketiga tahun 2024.



AB Rauf pada Persidangan DUN Melaka. Foto: Mohd Azren Jamaludin

1,915 lot tanah terbiar jadi kawasan pertanian

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Pembangunan 1,915 lot tanah terbiar berkeluasan 2,332.30 hektar mampu memacu industri pertanian negeri, seterusnya meningkatkan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Melaka.

EXCO Pertanian, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, pelbagai aktiviti ekonomi boleh dijalankan di lot berkenaan namun perlu mendapatkan persetujuan daripada pemilik tanah.

Katanya, ketika ini tidak ada sebarang peruntukan undang-undang boleh memaksa pemilik agar bersetuju tanah mereka daripada dikerjakan untuk projek pertanian.

Beliau berkata, Alor Gajah mempunyai 832 lot tanah terbiar dengan keluasan 918.41 hektar, diikuti Jasin sebanyak 212 lot terbiar dengan keluasan 400.71 hektar dan Melaka Tengah pula sebanyak 871 lot tanah

terbiar dengan keluasan 1,013.18 hektar.

"Tanah jenis darat atau sawah berkeluasan minima 0.4 hektar yang bersambung atau bertaburan dianggap sebagai tanah terbiar apabila tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut.

"Individu, usahawan atau mana-mana syarikat berminat membangunkan tanah terbiar dengan projek pertanian boleh membuat carian rasmi di Pejabat Tanah bagi mengenal pasti pemiliknya.

"Kesediaan pemilik tanah untuk memberikan kebenaran membangunkan tanah terbiar adalah tertakluk kepada rundingan dijalankan dengan usahawan berminat," katanya.

Abdul Razak berkata, demikian ketika menjawab soalan lisan Zulkiflee Mohd Zin (BN-Taboh Naning) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, pada 2 Mac lalu.

Melaka perluas bantuan 'cashless' buat penerima JKM

SERI NEGERI - Melaka menjadi antara tiga negeri yang menggunakan kaedah 'cashless' (bantuan kewangan tanpa tunai) buat penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

EXCO Kebajikan, Datuk Kalsom Nordin berkata, projek rintis dijalankan di Melaka Tengah sejak tahun lalu menerima maklum balas amat menggalakkan dalam kalangan penerima dan diperluas-

kan ke seluruh daerah di negeri ini.

Kalsom berkata, program dijayakan dengan kerjasama Bank Islam Berhad itu diperluaskan secara berfasa kerana memberikan banyak manfaat kepada penerima.

"Penerima boleh mengawal perbelanjaan mereka berbeza jika diberikan bantuan tunai secara terus, program ini juga menjaga ekonomi peruncitan di Me-

laka.

"Seramai 928 penerima memperoleh manfaat hasil program dijalankan, membabitkan 759 orang di Melaka Tengah, Alor Gajah (70) dan Jasin (99)," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika menjawab soalan lisan diajukan Fairul Nizam Roslan (BN-Asahan) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka berlangsung di Seri Negeri pada 2 Mac lalu.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 07 MAC - 10 MAC 2022

Isnin 07/03/2022	Selasa 08/03/2022	Rabu 09/03/2022	Khamis 10/03/2022
Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat di kawasan pedalaman Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat di kawasan pedalaman Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat di kawasan pedalaman Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat di kawasan pedalaman Min: 23° / Maks: 32°

Bukit Melaka, bukan lagi Bukit St Paul

Norizan Abdul Muhid

BANDA HILIR - "Memang nama asalnya ialah Bukit Melaka yang dinamakan sewaktu kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Namun apabila zaman penjajah, nama tersebut telah ditukar memandangkan ia terletak berhampiran gereja St Paul," kata Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Mohd Nasruddin Rahman.

Mohd Nasruddin berkata, demikian ketika mengesahkan status Bukit St Paul yang kini ditukar kepada nama asalnya iaitu Bukit Melaka.

Susulan itu pihaknya juga sudah pun memasang papan tanda pengenalan atau papan arah yang menamakan ianya sebagai Bukit Melaka bagi mengelakkan timbul sebarang kekeliruan pada masa hadapan khusus dalam kalangan pelancong.

"Ada pihak yang menyangka kita ubah nama Bukit St Paul akan tukar sekali nama gereja di situ, sebenarnya

tidak ada sebarang kena mengena.

"Kini tidak ada sebarang isu yang timbul dan kita sudah kembalikan nama asal Bukit St Paul kepada Bukit Melaka," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, PERZIM sudah melengkapkan kertas kerja bagi menukar kepada nama asal Bukit Melaka dan tindakan bagi kelulusan kerajaan negeri nanti.


Sebelum ini pelbagai pihak mengemukakan cadangan kepada PERZIM agar menukar nama asal Bukit St Paul ke Bukit Melaka yang digunakan sewaktu Kesultanan Melayu Melaka dahulu.

Katanya, cadangan itu kemudiannya dibantah oleh kumpulan lain yang beranggapan penukaran nama itu akan menjejaskan lokasi atau kedudukan gereja St Paul di situ.

"Cadangan menukar nama Bukit Melaka ini sudah dibawa ke pengetahuan kerajaan negeri cuma tinggal untuk mewartakan nama asalnya sahaja," katanya.



SEBUAH pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memasang kain rentang tanda sokongan kepada PERZIM dan kerajaan negeri mengubah nama Bukit St Paul kepada Bukit Melaka.



PEMANDANGAN dari tinggalkan bangunan bersejarah di atas Bukit Melaka. Foto: Mr Azli

'Apa ada pada nama?'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - "Ada apa pada nama dan apa salah jika tambah nama?" Itu respon Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berhubung isu Bukit St Paul yang akan dikenali sebagai Bukit Melaka.

Beliau berkata, perkara tersebut tidak seharusnya menjadi isu, sebaliknya semua pihak perlu berlapang dada mengenai cadangan dan keputusan itu.

Menurutnya lagi, beliau mewakili kerajaan negeri juga tidak mempunyai halangan sekiranya dua nama itu (Bukit Melaka dan Bukit St Paul) dikekalkan dan diletak di atas satu papan tanda.

"Tiada masalah, jika hendak letak nama Bukit Melaka - Bukit St Paul pun boleh atau letak Bukit Melaka (Bukit St Paul) pun boleh.

"Mungkin dengan cara itu dapat bantu orang tahu nama Bukit Melaka dan Bukit St

Paul itu.

"Lagipun apa salah jika tambah nama. Sedangkan orang pun ada banyak nama. Jadi ia tak menjadi masalah asalkan orang tahu kewujudan kawasan itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas ucapan penggulungan penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, 3 Mac lalu.

Terdahulu, isu mengenai pertukaran nama Bukit St Paul kepada nama asalnya Bukit Melaka sedikit kecoh dalam persidangan berkenaan selepas ia dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banda Hilir Leng Chau Yen.

Chau Yen mendakwa tindakan menukar nama itu seolah-olah satu cubaan untuk menukar sejarah sebelum EXCO Warisan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis bingkis menjawab bahawa pertukaran itu sebagai menghormati sejarah asal nama bukit berkenaan sebelum era penjajahan.

Bukit Melaka: Jangan ugut, jangan cuba jadi pengkhianat

SERI NEGERI - Individu atau pihak tertentu yang cuba mengugut kerajaan negeri mengenai isu pertukaran nama Bukit St Paul kepada nama Bukit Melaka boleh dianggap sebagai pengkhianat negara, tegas EXCO Warisan Negeri Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Beliau berkata demikian ketika menjawab desas-desus terdapat cubaan pihak tertentu mahu membawa isu berkenaan ke pihak Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) agar menarik semula status Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia sekiranya nama itu ditukar.

Muhammad Jailani menegaskan tiada

isu berhubung pertukaran nama tersebut memandangkan nama Bukit Melaka sememangnya sudah termaktub dalam sejarah sejak 1400 Masihi sebelum namanya ditukar ketika era penjajahan Belanda dan Portugis.

"Mereka yang cuba sabotaj atau ugut kita, silakan. Sebab saya nak kenal sangat siapa mereka-mereka ini yang cuba menjadi pengkhianat.

"Bagi saya mereka yang cuba merosakkan status UNESCO di Melaka adalah pengkhianat. Ini kerana mereka mahu mengkhianati sejarah Melaka.

"Kena ingatkan, dalam hal ini kerajaan negeri tidak menyentuh elemen agama atau bangsa, kita tidak menukar nama gereja, kuil atau to-

kong, tetapi kita hanya menukar nama bukit ini kepada nama asalnya sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas sesi soal dan jawab pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka sesi hari terakhir, 3 Mac lalu.

Mengulas lanjut, beliau yang turut memegang portfolio Pelancongan dan Kebudayaan berkata, kertas kerja bagi penukaran nama Bukit Melaka itu telah disiapkan sejak dua tahun lalu dan beliau berharap pertukaran itu dapat diselesaikan secepat mungkin.

Katanya, sekiranya status itu dimuktamadkan, pihaknya akan mengadakan majlis perasmian bagi memperkenalkan semula nama bukit berkenaan kepada pelancong.



MUHAMMAD Jailani ketika menjawab soalan berhubung pertukaran nama Bukit Melaka di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka.



Tahniah **100 HARI**

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN
BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

Dan

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, DAN
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA**



MELAKAKU MAJU JAYA.
RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA



ANUGERAH PROJEK/PROGRAM TERBAIK DAN ANUGERAH KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME* MELAKA 2021




Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik Negeri Melaka dan Anugerah Kajian Penilaian *Outcome* Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 yang diselenggarakan Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Melaka (MIMO) diadakan bagi mengiktiraf jabatan dan agensi kerajaan negeri yang telah berdaya saing dalam meningkatkan kompetensi dan kualiti perkhidmatan bagi melaksanakan projek atau program di Melaka dengan jayanya.

Ini dirangka bagi memangkin prestasi jabatan atau agensi yang telah melaksanakan pelbagai projek atau program pembangunan fizikal dan bukan fizikal untuk memastikan Melaka membangun mengikut keperluan semasa.


Anugerah Projek/Program Terbaik Negeri Melaka

**Pengiktirafan kepada jabatan atau agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan, reka bentuk dan pembinaan projek yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan.


Pemenang Kategori Projek Fizikal dengan nilai melebihi RM500,000.00

-  Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)
 - Urban Reforestation Sungai Putat, Fasa 1-3

Pemenang Kategori Projek Fizikal dengan nilai tidak melebihi RM500,000.00

-  Pejabat Daerah dan Tanah Jasin (PDTJ)
 - Menyediakan Sistem Perparitan Yang Terancang Dan Sistematis Di Kampung Seri Mendapat, Sungai Rambai, Jasin, Melaka

Pemenang Kategori Projek Bukan Fizikal/Program:

-  Badan Kawal Selia Air (BKSA)
 - Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan Empangan Durian Tunggal


Pemenang Keseluruhan Pengurusan Projek Terbaik Tahun 2020

-  Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka

Pemenang Anugerah Khas Juri bagi Pembentang Terbaik

-  Pejabat Daerah dan Tanah Jasin (PDTJ)

Pemenang Anugerah Khas Juri bagi Aspek Inovasi

-  Badan Kawal Selia Air (BKSA)
 - Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pantai Coastal Reservior Di Lembangan Sungai-sungai Negeri Melaka

Anugerah Kajian Penilaian *Outcome* Peringkat Negeri Melaka

**Penilaian *outcome* digunakan sebagai alat untuk mengukur kesan projek atau program pembangunan yang telah siap dan digunakan kepada golongan sasaran daripada aspek sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar.


Pemenang Kluster Pembangunan Sosial

-  Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)
 - Urban Reforestation Sungai Putat


Pemenang Kluster Infrastruktur

-  Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka
 - Kerja-kerja Membina Struktur Lapis Lindung Pantai (Rock Revetment) Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Kg. Balik Batu, Tanjung Bidara


Pemenang Kluster Infrastruktur

-  Badan Kawal Selia Air (BKSA)
 - Kerja-kerja Mendalamkan Bunded Storage I Dan II, Durian Tunggal Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Di Daerah Melaka Tengah, Melaka

Pemenang Kluster Sistem

-  Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
 - Pembangunan Migrasi Web Mapping Engine Sistem Aplikasi Melaka Geographic Information System (MELGIS) Daripada Open Source Kepada Perisian Berlesen Mapinfo Extreme

Pemenang Kluster Pelancongan

-  Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
 - Projek Penyelenggaraan Taman Botanikal Melaka

Pemenang Anugerah Khas Juri

-  Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)
 - Sistem Pejalan Kaki Automatik (SIPKA)

Tahniah 100 HARI

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN
BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

Dan

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, DAN
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA**

Setulus Ikhlas Daripada



YAYASAN MELAKA

**Pengurus Besar, Pengurusan
& Warga Kerja Yayasan Melaka**



N02 - TANJUNG BIDARA

Sumbang katil untuk pesakit kencing manis

TANJUNG BIDARA - Pesakit kencing manis dan darah tinggi Rokiah Aziz menerima bantuan katil perubahan sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Menerusi Facebook DUN Tanjung Bidara sumbangan kelengkapan perubahan itu diserahkan oleh pihak pengurusan

FOKUS DUN

JAPERUN Tanjung Bidara di kediaman Rokiah di Pengkalan Balak, baru-baru ini.

"Beliau juga akan menjalani pembedahan di Hospital Melaka akibat masalah kencing manis yang dihidapinya.

"Semoga beliau dipermudahkan segala urusan dan kembali sihat seperti biasa," kata kenyataan tersebut



WAKIL JAPERUN Tanjung Bidara ketika menyerahkan bantuan katil perubahan kepada Rokiah.

N01 - KUALA LINGGI

'Sambil menyelam minum air'

KUALA LINGGI - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah menggunakan kesempatan pada setiap program dihadiri untuk mendapat maklum balas mengenai permasalahan dihadapi penduduk setempat.

Terbaru beliau sempat bertanyakan masalah penduduk ketika menghadiri ceramah Israk Mikraj di surau As Sa'adah Taman Gamelan, di sini, baru-

baru ini.

"Israk Mikraj adalah satu peristiwa besar untuk kita mengambil pengajaran daripadanya. Sempat juga minum bersama ahli jawatan kuasa surau.

"Kami berbincang mengenai perkembangan dan penambahbaikan surau memandangkan solat Jumaat masih dilaksanakan di surau ini," katanya menerusi perkongsian di Facebook rasminya.



JOHANIF (kanan) memberikan penerangan mengenai tanaman rock melon kepada Rosli.

N03 - AYER LIMAU



KEDIAMAN yang terjejas akibat ribut di DUN Ayer Limau petang 27 Feb lalu.

Bantuan segera ringankan beban mangsa ribut

AYER LIMAU - Bantuan tunai dihulurkan kepada mangsa kejadian ribut di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau, pada petang 27 Feb lalu.

Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, ia bertujuan untuk membantu mangsa membeli keperluan mendesak atau membaiki kerosakan sementara menunggu bantuan lain yang layak diterima akibat bencana.

"Kejadian sekitar jam 5 petang menyebab-

kan 47 kediaman selain surau di Ramuan Cina Kecil, Ramuan Cina Besar dan Sungai Siput mengalami kerosakan.

"Pihak JAPERUN dan agensi terbabit akan membantu memudahkan urusan penyaluran bantuan kepada semua mangsa yang layak," katanya.

Hameed berkata, kejadian turut menyebabkan banyak kejadian pokok tumbang, namun segera dialih dan dibersihkan oleh agensi yang berkenaan.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharini.my

PENGARANG
MOHD FAZUL ABDUL MAJID
fazul@melakaharini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharini.my

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

JURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharini.my

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.my

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharini.my

FIQA JAMAL
norafiqhajamal93@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakaharini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaiikal.zakaria@melakaharini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

PUTRA DANIAL RIZADI
putradanial182@gmail.com

JURUVIDEO & PENYUNTING VIDEO
AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my

HASBULLAH BIN AZHAR
bumeskoobar@gmail.com

N04 - LENDU

Derita adik Aiman dapat perhatian Sulaiman



Salman Hamat

LENDU - Penderitaan adik Muhammad Aiman Zhafran, 5, kini terlantar akibat menghidap kanser otak dan masalah saraf tunjang mendapat perhatian Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu.

Pegawai Perhubungan Kebajikan dan Operasi Ketua Menteri Mohd Jamian Maharam berkata, adik Aiman terlantar sejak empat bulan lalu selepas disahkan menghidap penyakit berkenaan.

"Sebelum ini kami menerima permohonan untuk bantuan kerusi roda daripada ibu bapa adik Aiman dan kemudahan sumbangan Tok Leman (Sulaiman) itu sudah disampaikan.

"Dalam kunjungan ke rumah adik Aiman di Kampung Lendu Ayer Hitam baru-baru ini, kami turut menyerahkan dua tin susu khas kerana dia kini perlu mengambil minuman itu setiap hari. Setiap bulan dia memerlukan empat tin susu," katanya.

Mohd Jamian berkata, ibu bapa adik Aiman tidak bekerja kerana perlu memberikan perhatian kepada anak pertama mereka dan kini bergantung kepada ihsan keluarga.

"Sebelum ini bapa adik Aiman bekerja sebagai pengawal keselamatan namun diberhentikan. Pada lawatan sama kami turut memudahkan urusan mengisi borang bagi mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat," katanya.



MOHD Jamian yang mewakili Sulaiman melihat keadaan adik Aiman (terlantar) di Kampung Lendu Ayer Hitam ketika menyerahkan sumbangan kerusi roda baru-baru ini.

N05 - TABOH NANING

Masalah internet di jangka selesai tahun ini

Salman Hamat

TABOH NANING - Masalah liputan internet khusus sekitar Kampung Sungai Buloh dan Brisu mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Nanning Zulkiflee Mohd Zain.

Beliau berkata, perjumpaan dan perbincangan berhubung isu juga sudah dilakukan dengan wakil daripada syarikat telekomunikasi terbabit.

"Hasil pertemuan itu dua menara telekomunikasi akan dibina di Sungai Buloh dan Brisu. Kami jangka kawasan berkenaan akan mendapat liputan internet lebih baik pada tahun ini juga.

"Pada masa ini internet adalah keperluan bagi semua khusus murid, pelajar sekolah dan agensi kerajaan beroperasi sekitar kawasan ini," katanya.

Zulkiflee berkata, penduduk mempunyai sebarang masalah diminta tampil ke pejabat JAPERUN Taboh Nanning untuk membuat aduan sebelum tindakan susulan diambil pihaknya.



ZULKIFLEE meneliti aduan penduduk dalam perjumpaan di Pejabat JAPERUN Taboh Nanning.

N06 -REMBIA

PROGRAM GOTONG ROYONG KECERIAN BALAIRAYA PEKAN REMBIA ANJURAN JPKK BERSAMA KOMUNITI PEKAN REMBIA

Tarikh : 12hb Mac 2022 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi - 12.00 tengahari
Tempat : Balai Raya Pekan Rembia

Ada program TRASH TO CASH, tukar bahan buangan recycle anda dengan tunai!
(Sila rujuk lampiran untuk harga barangan kutipan)

Sarapan pagi disediakan



Cabutan Bertuah



PROGRAM Gotong Royong Keceriaan Balai Raya Pekan Rembia yang akan diadakan pada 12 Mac ini.

Jual barang terpakai di Balai Raya Pekan Rembia 12 Mac ini

Faiz Hasan

REMBIA - Orang ramai yang mempunyai barangan terpakai boleh dijual semula dalam Program Gotong Royong Keceriaan Balai Raya Pekan Rembia diadakan 12 Mac depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pekan Rembia, Khodar Ismail berkata, program menerusi kerjasama komuniti kampung itu bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan

Awam (SWCorp) Negeri Melaka membuka kesedaran setempat dalam pengurusan sisa terpakai.

Beliau menyeru kepada semua komuniti di kawasan berkenaan untuk menghadiri kan diri bagi menyertai aktiviti gotong royong menjalankan pembersihan keseluruhan bangunan balai raya termasuk kerja-kerja mengecat semula bangunan, mencantas tumbuhan liar serta pelbagai lagi bagi mengindahkan pusat setempat masyarakat itu.

"Dalam program ini kita juga menyeru orang ramai yang mempunyai barangan terpakai terutama minyak masak, perabot, pakaian terbuang serta pelbagai lagi untuk dihantar dan dijual kepada SWCorp untuk di kitar semula.

"Dalam program serentak ini ia mampu memberi kesedaran komuniti dalam mengekalkan kebersihan dan membudayakan amalan kitar semula dapat dititikberatkan dalam kehidupan seharian," katanya kepada Melaka Hari Ini.

N07 - GADEK

Sumbang pelitup muka kepada calon SPM



PEGAWAI JAPERUN Gadek mewakili Shanmugam menyampaikan sumbangan pelitup muka dan sarung tangan kepada sekolah menengah di DUN tersebut.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

GADEK - Kesemua sekolah menengah di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek menerima sumbangan pelitup muka dan sarung tangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek V P Shanmugam.

Sumbangan itu telah disampaikan pegawai dan staf JAPERUN Gadek, baru-baru ini.

Shanmugam dalam satu kenyataan memaklumkan, sumbangan itu diberikan untuk kegunaan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi memastikan kesihatan dan keselamatan mereka terpelihara sepanjang menduduki peperiksaan.

Di samping itu, beliau turut mendoakan kejayaan kesemua calon yang menduduki peperiksaan besar itu.

"Selamat menduduki peperiksaan buat calon SPM 2021. Semoga urusan mereka dipermudahkan.

"Semoga pelajar-pelajar sentiasa diberikan ketenangan jiwa dan kelapangan hati dalam menghadapi peperiksaan yang berlangsung. Lakukan yang terbaik!

"Saya juga mendoakan pelajar-pelajar yang terkesan dengan COVID-19 agar dipermudahkan segala urusan mereka," katanya.

N09 - DURIAN TUNGGAL

Tanam 2,000 pokok di empangan

Farah Suhaidah Othman

DURIAN TUNGGAL - Sebanyak 2,000 pokok pelbagai spesis termasuk meranti dan merawan ditanam di Kampung Ayer Pasir, di sini bagi menghijaukan semula kawasan Empangan Durian Tunggal.

Aktiviti penanaman pokok menerusi Program Walk4Trees anjuran Yayasan Petronas itu dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sulaiman berkata, usaha yayasan itu disambut baik kerajaan negeri dan langkah itu adalah sejajar dengan aspirasi Agenda Nasional Negara untuk melaksanakan 'Kempen Penanaman 100 Juta Pokok' menjelang 2025.

"Program ini juga cukup mustahak kepada kerajaan negeri seperti mana terkandung dalam 'flagship' kita untuk jadikan Melaka sebagai sebuah negeri hijau yang lestari," katanya.

Program penanaman semula itu turut mendapat kerjasama Badan Kawal Selia Air (BKSA), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Alor Gajah Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil mengucapkan syabas atas penganjuran aktiviti yang memberi manfaat kepada kehijauan bumi Melaka khususnya kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Ayuh kita pelihara dan hijaukan alam kita!" tulisnya menerusi catatan Facebook.



ZAHARI (kiri) menunjukkan pokok meranti yang ditanamnya dalam Program Walk4Trees anjuran Yayasan Petronas.



HEE Sem meninjau masalah perparitan di sekitar Machap Jaya.

Perbaiki masalah perparitan di Machap Jaya

MACHAP JAYA - Infrastruktur perparitan di kawasan itu akan ditambah baik bagi mengatasi masalah saluran tersumbat selain mengelakkan pencemaran bau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem berkata beliau memahami rungutan diterima penduduk setempat yang mahu longkang di kawasan perumahan diperbaiki.

"Saya bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Baru (JPKKB) Machap Baru, ahli Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Setiausaha JAPERUN serta Penghulu meli-

hat sendiri masalah perparitan dialami penduduk setempat.

"Saya akan panjangkan isu ini di Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) Alor Gajah dan PBT (pihak berkuasa tempatan) supaya mengambil tindakan selanjutnya.

"Kalau boleh kita mahu longkang di kawasan itu diperbesar untuk mengelakkan saluran tersumbat," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada penduduk kawasan itu yang prihatin terhadap isu persekitaran bagi membolehkan pihaknya mengambil tindakan susulan.

Tiada lagi gangguan 'ketuk pintu'

FOKUS DUN

N12 - PANTAI KUNDOR



RONDAAN malam yang dijalankan selepas menerima aduan ketukan misteri yang melanda Kampung Kelongkong Tanjung Kling.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Ketukan misteri yang membelenggu penduduk di Kampung Kelongkong Tanjung Kling, di sini, dipercayai telahpun berakhir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi berkata, tiada lagi aduan diterima pihaknya sejak akhir-akhir ini selepas berita mengenai gangguan itu dilaporkan media hujung Jan lalu.

Katanya, atas inisiatif Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan penduduk sendiri, rondaan telah dilakukan pada setiap malam, sekali gus membantu menyelesaikan masalah tersebut.

"Kalau ikutkan perkara ini kita tak mahu tular kerana bimbang ia akan jadi kegelisahan kepada penduduk.

"Benda ini kita tak mahu aibkan sesiapa dan nak kata kita percaya pun tidak, tak percaya pun tak boleh juga.

"Tetapi alhamdulillah, atas inisiatif semua yang melakukan rondaan malam, tiada lagi aduan yang kita terima dan kita harap perkara ini tidak lagi berulang demi kebaikan semua," katanya ketika ditemui selepas hadir merasmikan Jelajah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka @ Keluarga Malaysia di Dewan JAPERUN Pantai Kundor baru-baru ini.

Mengulas mengenai program itu, Tuminah yang mesra dengan panggilan Kak Ina berkata, ia satu inisiatif yang baik daripada JKM dalam memberi penerangan mengenai bentuk dan jenis bantuan kebajikan yang disediakan JKM kepada semua Pengerusi JPKK di bawah Parlimen Tangga Batu.

Jelasnya, penerangan itu dapat menjadi panduan kepada pemimpin setempat yang baharu dilantik dalam membantu penduduk di kawasan masing-masing.

N13 - PAYA RUMPUT

Ikrar selesai masalah banjir Taman Paya Rumput Jaya

PAYA RUMPUT - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput Datuk Rais Yasin komited mahu masalah banjir yang membelenggu penduduk diselesaikan segera.

Beliau berkata, antara kawasan sering terjejas banjir ialah di Taman Paya Rumput Indah.

Katanya, baru-baru ini taman perumahan itu sekali lagi dinaiki air susulan hujan lebat yang berlaku hingga mengakibatkan banjir kilat.

Menurutnya lagi, bencana itu menyebabkan lapan buah rumah dinaiki air.

"Selesai melawat kawasan banjir kilat yang berlaku di Taman Paya Rumput Indah membabitkan sebanyak 8 buah rumah yang terlibat.


"Saya bersama wakil Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bersama pemimpin setempat di DUN Paya Rumput datang melawat mangsa-mangsa yang terlibat.

"InsyaAllah kami akan berusaha untuk menyelesaikan masalah banjir ini dengan secepat mungkin. Semoga segala urusan dipermudahkan," katanya.



RAIS ketika melihat sistem saliran di Taman Paya Rumput Indah yang dikhuatiri menjadi punca banjir melanda kawasan itu.

N10 - ASAHAN



ABDUL Halim melihat pemandangan sebahagian air terjun yang terdapat pada jeram kaki gunung Melaka, kira-kira 200 meter dari denai memasuki gunung.

Serlahkan keistimewaan Gunung Melaka - penduduk

Norizan Abdul Muhid

ASAHAN - Penduduk kampung Gapis di sini, berharap usaha-usaha menaik taraf dan memperindah Gunung Melaka dapat dilakukan segera.

Pengerusi JPKK Gapis Mantai, Abdul Halim Majid berkata, Gunung Melaka telah wujud sebelum kampung itu dibuka dan sudah popular dalam kalangan penduduk di situ.

Namun, katanya, populariti Gunung Melaka hanya sekadar dalam kalangan penduduk dan sekumpulan pendaki sahaja.

"Kumpulan pendaki ini kemudiannya bercerita tentang Gunung Melaka di kalangan komuniti mereka yang akhirnya menarik pendaki dari seluruh negara termasuk dari Singapura.

"Tetapi sayang, banyak kemudahan yang masih belum dapat disediakan bagi memperkenalkan Gunung Melaka ini kepada pengunjung luar.

"Kami amat berharap usaha ini dapat disegerakan kerana sayang, Melaka sudah ada gunung sendiri tetapi belum dapat lagi menyerlahkan keistimewaannya pada umum," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Norman Rushadi berkata, memang sudah ada perancangan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di situ namun ia sering tertangguh.

"Pernah beberapa kali pihak berkuasa, malah Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis ada meninjau perkembangan tempat ini.

"Saya yakin usaha-usaha untuk membangunkan kawasan ini sedang berjalan sekali gus mengetengahkan keistimewaan Gunung Melaka," katanya.

Katanya, apabila Gunung Melaka berjaya muncul sebagai destinasi pelancongan utama negeri, ia akan sekali gus meningkatkan imej kampung dan populariti Asahan pada masa depan.

N15 - PENGKALAN BATU

Cadang laksana program 'Sayangilah Sungai Kita'



KALSOM (dua dari kanan) meninjau persekitaran berhampiran Sungai Melaka yang dipenuhi sampah.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENKALAN BATU - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin mencadangkan agar program 'Sayangilah Sungai Kita' dilaksanakan semula di negeri ini.

Beliau yang mesra dengan panggilan Kak Som berkata, program sedemikian sangat penting untuk memupuk sikap dan semangat menjaga keindahan serta kebersihan sungai di Melaka dalam kalangan orang ramai.

Perkara itu diusulkan ketika beliau meninjau persekitaran kawasan balai raya dan infrastruktur di Taman Bachang Baru yang terletak berhampiran Sungai Melaka, baru-baru ini.

"Kak Som pagi ini (27 Feb) meninjau persekitaran di Taman Bachang Baru dan mencadangkan agar program 'Sayangilah Sungai Kita' diteruskan bagi menjaga keindahan dan kebersihan sungai," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Hadir sama dalam lawatan itu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman serta pemimpin setempat.

FOKUS
DUN

N18 - AYER MOLEK

80,000 benih ikan lampam dilepaskan

AYER MOLEK - 80,000 benih ikan lampam dilepaskan di sungai belakang Masjid As-Salimin Kandang, di sini bagi menambah stok ikan tempatan di sepanjang jajaran Sungai Duyong.

Pelepasan ikan itu telah disempurnakan EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Abdul Razak Abdul Rahman bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman.

Program yang dianjurkan Jabatan Perikanan Negeri Melaka itu antara lain bertujuan memeriahkan aktiviti perikanan di kawasan terbabit di samping merencanakan perikanan rekreasi.

Ia juga dapat membantu penduduk setempat melakukan aktiviti riadah, selain membantu mereka menjana pendapatan hasil jualan ikan sungai.

Terdahulu, dalam program sama turut diadakan majlis penyerahan buku lesen sampan khas kepada nelayan di daerah Melaka Tengah.



RAHMAD dan **Abdul Razak** melepaskan 80,000 benih ikan lampam di sungai belakang Masjid As-Salimin Kandang, baru-baru ini.

N14 - KLEBANG

Persatuan penduduk perlu main peranan bersama PBT



BAN Hong (tengah) ketika hadir merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Taman Sayang Selasih.

Fiqa Jamal

KLEBANG - Persatuan penduduk di taman-taman perumahan memainkan peranan cukup penting bukan sahaja dalam memelihara keharmonian bahkan untuk kesejahteraan masyarakat di satu-satu kawasan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong menerusi laman Facebook rasminya berkata, perkara itu perlu dilaksanakan oleh semua persatuan penduduk di taman-taman perumahan khususnya dalam DUN Klebang.

Menurutnya, antara peranan yang perlu dimainkan persatuan penduduk termasuklah

dalam aspek kebersihan dan kehijauan komuniti setempat.

Untuk itu katanya, persatuan penduduk disaran untuk menjalinkan hubungan baik bersama pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya berharap persatuan penduduk dapat terus memainkan peranan bersama PBT dalam memelihara aspek kebersihan, keselamatan, keharmonian serta kehijauan komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Taman Sayang Selasih, Klebang pada 27 Feb lalu.

N23 - TELOK MAS

Pulihara ekosistem tiga pulau premium

Farah Suhaidah Othman

TELOK MAS - Jabatan Perikanan Negeri Melaka mengambil inisiatif menganjurkan Program Eksplorasi Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memulihara ekosistem marin di tiga pulau premium di negeri ini.

Menerusi program itu, seramai 30 penyelam dari Kelab Mountain Diver dan 20 peserta NGO Universiti Putra Malaysia (UPM) terlibat membersihkan dasar laut dan persisiran pantai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, aktiviti lain yang turut dijalankan termasuk pembersihan 'ghost net' dan snorkeling selain memberi kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan memulihara hidupan marin.

"Dalam program itu, Remotely Operated Vehicle (ROV) turut digunakan bagi melihat keadaan terumbu karang sebenar tanpa perlu turun menyelam ke dasar laut.

"Program seumpama itu akan diteruskan sekali gus mampu menarik kedatangan pelancong untuk berkunjung ke produk pelancongan baharu itu serta memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat khususnya di kawasan Telok Mas," katanya.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Mohd Fauzi Salehon berkata, program eksplorasi bersama NGO itu diadakan setiap tahun bagi mengeratkan hubungan persefahaman antara kerajaan negeri, agensi kerajaan, komuniti dan operator pelancongan.

"Untuk makluman, pada tahun ini Jabatan Perikanan melabuhkan sembilan unit tukun tiruan kuboid dasar lembut konservasi di perairan Pulau Dodol.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 57 tukun dasar lembut dilabuhkan di perairan Pulau Besar manakala 23 unit Propagasi Karang dilabuhkan di perairan Pulau Undan," katanya.



ABDUL Razak (tengah) bergambar bersama peserta Program Eksplorasi Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol, baru-baru ini.

N25 - RIM

Dua menara telekomunikasi akan dibina di Rim

Fiqa Jamal

RIM - Bagi mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan pinggir bandar, di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebanyak dua menara telekomunikasi akan dibina dalam kawasan Rim.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata dua menara tersebut akan dibina di Lebuhraya PLUS dan Kampung Chinchin, Rim.

Menurutnya, sebanyak 15 stesen pemancar akan dinaiktaraf ke liputan 4G di seluruh negeri Melaka.

"Isu jalur lebar ini sememangnya menjadi prioriti kerajaan negeri, bagi mengatasi isu jalur lebar ini sebanyak dua menara tele-

“Se b a n y a k 2,499 p r e m i s a k a n d i s e d i a k a n a k s e s p e r k h i d m a t a n t a l i a n t e t a p g a n t i a n o p t i k s e k i t a r M e l a k a m a n a k a l a t i g a P u s a t E k o n o m i D i g i t a l K e l u a r g a M a l a y s i a a k a n d i b i n a d a l a m k a w a s a n R i m .”

komunikasi akan di bina dan salah satunya di Kampung ChinChin, Rim Jasin.

"Sebanyak 2,499 premis akan disediakan akses perkhidmatan talian tetap gantian optik sekitar Melaka manakala tiga Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia akan dibina dalam kawasan Rim," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Ucapan penggulungan penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN)

Melaka diadakan di Seri Negeri, di sini, 3 Mac lalu.

Terdahulu, Sulaiman memberi maklum balas ucapan penangguhan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidirah Abu Zahar yang meminta kerajaan negeri untuk memberi fokus yang lebih dalam menaik taraf jaringan jalur lebar dalam kawasan bandar dan pinggir bandar khususnya dalam kawasan Rim.



GAMBAR hiasan menara telekomunikasi

N21 - DUYONG



KIT makanan diletakkan di hadapan rumah penduduk yang sedang menjalani kuarantin.

Agihan kit makanan di Duyong meningkat

Siti Salehah

DUYONG - Hampir 200 kit makanan diperuntukkan bagi membantu penduduk yang memerlukan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong.

Ahli Dewan Undangan Negerinya Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, jumlah itu meningkat mendadak dua minggu kebelakangan ini berbanding sebelumnya dengan hanya kira-kira 30 kit makanan disampaikan setiap minggu.

Beliau berkata, walaupun peningkatan permintaan bantuan kit makanan naik kira-kira 80 peratus namun pihaknya bersedia me-

nyampaikan sumbangan kepada sesiapa sahaja termasuk yang sedang menjalani kuarantin mahupun terputus bekalan makanan.

"Sebelum ini kita hanya menerima atau memberi kit makanan kepada tiga penerima setiap hari namun sejak dua minggu ini permintaan amat banyak dengan 30 kit makanan diedarkan setiap hari.

"Dalam 30 kit makanan itu, kira-kira 26 untuk penduduk yang kuarantin akibat COVID-19 selebihnya untuk mereka yang memerlukan seperti terputus bekalan makanan," katanya.

Beliau yang lebih mesra dipanggil Mat berkata, untuk me-

mudahkan penerima, pihaknya hanya memerlukan tiga maklumat sebelum kit makanan itu diserahkan kepada pemohon.

"Mereka yang memerlukan kit makanan hanya perlu berikan tiga maklumat iaitu nama, nombor telefon dan alamat, insya-Allah akan sampai. Sekarang ini bukan sahaja melalui WhatsApp malah SMS pun saya ada terima, apa cara maklumat pun kita terima.

"Jika sebelum ini kit makanan kita akan hantar dalam tempoh 24 jam tetapi disebabkan terlalu banyak dan perlu menunggu dari pembekal ia mengambil masa 48 jam," katanya.

N28 - SUNGAI RAMBAI



BANGUNAN RTC sungai rambai bakal dijadikan pusat pengumpulan hasil pertanian. Foto: MR Azli

RTC Sungai Rambai bakal kembali meriah

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai akan dijadikan pusat pengumpulan hasil pertanian sekali gus merencanakan semula aktiviti di bangunan itu yang agak sepi sebelum ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kemudahan sedia akan boleh digunakan untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang boleh membawa manfaat kepada rakyat.

"Kita akan melihat semula bagaimana hendak meriahkan RTC yang kini ditukar nama kepada Pusat Komuniti Desa (PKD) oleh kerajaan terdahulu.

"Perancangan menjadikan bangunan itu sebagai pusat pengumpulan produk pertanian juga bakal memperkasakan aktiviti ekonomi penduduk sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Siti Faizah Abdul Aziz pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka.

Sulaiman berkata, sebahagian struktur bangunan itu perlu diperbaiki berikutan mengalami kerosakan.

N27 - MERLIMAU

Merlimau 'Skate park' siap tidak lama lagi

Salman Hamat

MERLIMAU - Kemudahan riadah 'Skate Park' Merlimau dijadualkan dimulakan pembinaannya bulan ini kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh.

Perkembangan terbaharu mengenai perancangan pembinaan kemudahan riadah itu dikongsi Dr Muhamad Akmal menerusi akaun Facebook miliknya baru-baru ini.

"Kita kongsi 'floor plant' untuk Merlimau

Skate Park, insyaAllah bulan depan kasi kerjajalan (pembinaan akan dimulakan). Lokasi di belakang Medan Selera Merlimau Point," katanya.

Sebelum ini Dr Muhamad Akmal mengemukakan pembinaan kemudahan itu yang berpandukan kepada ilham penggiat sukan papan selaju negara Pa'din Musa.

Misi beliau adalah menyediakan kemudahan latihan papan selaju yang selamat dan lengkap sekali gus mencungkil serta melahirkan lebih ramai bakat baharu dalam sukan itu.



DR. Muhamad Akmal menunjukkan aksi bermain papan selaju ketika di Pulau Pinang baru-baru ini.

N26 - SERKAM



PROSES sanitasi yang dilakukan oleh anggota Sukarelawan di Masjid Seri Minyak, Serkam bagi mencegah penularan kes COVID-19 yang semakin membimbangkan.

Sanitasi masjid dan rumah penduduk elak penularan COVID-19

Fiqa Jamal

SERKAM - Bagi membendung penularan COVID-19 yang semakin membimbangkan, JAPERUN Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam melakukan proses sanitasi di beberapa lokasi di DUN terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan menerusi laman Facebook rasminya memberitahu, proses sanitasi tersebut dijalankan oleh kepimpinan JAPERUN dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

"Proses sanitasi ini penting kerana setiap hari ada penduduk di DUN

ini yang disahkan positif COVID-19, ini adalah salah satu usaha kami dalam membendung penularan wabak berkenaan.

"Antara disanitasi adalah Masjid Seri Minyak, dua buah rumah di Kampung Berangan 6 dan Pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Serkam," katanya.

Menerusi hantaran sama beliau memaklumkan kit makanan turut diedarkan ke rumah penduduk yang kini sedang menjalani kuarantin selepas didapati positif COVID-19.

Katanya, kit makanan diedarkan mengandungi barangan asas seperti tepung, gula, garam dan beras.



MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu bertolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencembohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma'idah, ayat 2).

Peranan BSAT bantu asnaf memerlukan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) merupakan agensi agama yang telah diberi mandat dan amanah dalam memastikan kebajikan umat Islam di negeri ini disantuni sebaiknya.

Sudah pasti peranan besar berkenaan menjadikan MAIM sebuah

agensi agama yang berkecemerlangan membantu golongan asnaf dan mereka yang memerlukan.

Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM merupakan sebuah intitusi bebas dibawah naungan MAIM yang membantu memastikan kebajikan asnaf dijaga dengan penuh teliti.

Bukan sahaja golongan asnaf malah mereka yang memerlukan



ZIARAH asnaf dan penyampaian lampin pakai buang.

sentiasa diberi perhatian serta penyampaian bantuan sewajarnya dapat dilaksanakan tanpa kerengah birokrasi.

Misi dan visi BSAT bukan sahaja kepada golongan asnaf di negeri ini malah turut melangkaui sempadan negeri apabila turun padang menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di negeri Pahang dan Selangor.

Peranan besar ini juga menarik minat golongan muda untuk bersa-

ma menyertai badan sukarelawan ini khususnya melibatkan sumbangan tenaga dan usaha bagi memastikan sukarelawan sesuai untuk peranan di lapangan bagi mewujudkan perkongsian bermakna.

Dalam konteks yang lebih besar, penglibatan bersama BSAT mampu membentuk dan mempelajari prinsip memimpin, dipimpin, mempelajari kemahiran komunikasi serta penguatkuasaan disiplin diri.

Dengan adanya badan sukarelawan ini sudah pasti membantu melancarkan lagi peranan MAIM menyantuni golongan asnaf terutama pada ketika negara masih dilanda pandemik COVID-19.

Kepada orang ramai yang berminat menjadi ahli sukarelawan MAIM boleh hubungi MAIM di talian 06-2868109 atau hadir ke pejabat BSAT di alamat B-3, Jalan PNBB 2, Bukit Baru Business Park, Bukit Baru.



KETUA Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim menyampaikan sumbangan lampin pakai buang dan susu vitamin kepada asnaf.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka **Facebook** | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud meluangkan masa mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM baru-baru ini. Beliau turut diberi taklimat ringkas berkaitan fungsi dan peranan BSAT dalam menyantuni asnaf mahupun golongan yang memerlukan di negeri ini. Hadir sama mengiringi beliau Penolong Setiausaha Bahagian Zakat MAIM, Shakina Mohd Said.



BANTU... Penolong Setiausaha Bahagian Zakat MAIM, Shakina Mohd Said bersama Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Saffura Alim menyampaikan sumbangan 25 unit tablet kepada wakil pengurusan Kompleks Fatimah Al-Zahra (KAYFAZ) MAIM bagi kegunaan bersama penghuni kompleks berkenaan yang akan menghadapi sesi persekolahan baharu penghujung bulan ini. Seramai lebih 30 orang penghuni asrama KAYFAZ akan menerima manfaat daripada sumbangan tablet berkenaan.

Jaminan infakkan harta ke jalan Allah

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



lurkan sedekah. Sedekah bukan sahaja merupakan amalan yang terpuji, malah sangat tinggi nilainya. Sedekah juga adalah amalan yang sangat dicintai oleh Allah SWT. Hal ini kerana, manfaat sedekah dalam Islam boleh memberikan impak yang besar, malahan Allah SWT turut memberi jaminan ganjaran yang besar bagi mereka yang rajin bersedekah.

Kebiasaannya sedekah jariah merupakan sedekah yang tidak akan putus pahalanya. Pahalanya akan tetap mengalir dan termasuk dalam amalan yang Allah SWT amat cintai. Apabila seseorang itu mampu melakukan sedekah tersebut, maka Allah SWT akan janjikan syurga untuknya. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: “Apabila matinya seorang insan akan terputus amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat buat dirinya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.” (**Riwayat Muslim**)

Di samping itu, amalan bersedekah memberi banyak hikmah, antaranya menghapus dosa, menyucikan harta dan meningkatkan hubungan sosial bagi sesama

“Banyak di antara manusia yang takut miskin apabila gemar bersedekahkan. Padahal dengan bersedekah, Allah SWT akan menjanjikan balasan yang baik dan dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda.”

manusia. Banyak di antara manusia yang takut miskin apabila gemar bersedekahkan. Padahal dengan bersedekah, Allah SWT akan menjanjikan balasan yang baik dan dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Allah SWT juga menjanjikan bahawa seseorang Muslim itu tidak akan jatuh miskin sekiranya menginfakkan hartanya ke jalan Allah SWT. Ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud: “Sedekah itu tidak akan mengurangi harta. Tidak ada orang yang memberi maaf kepada orang lain melainkan Allah akan menambah kemuliaannya, dan tidak ada orang yang merendahkan diri kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya.” (**Riwayat Muslim**)

Walaupun bagaimanapun, ibadah wajib jangan sekali-kali ditinggalkan sepertimana pelaksanaan ibadah zakat yang amat dituntut dalam Islam iaitu merupakan Rukun Islam yang lima. Ibadah zakat ini dapat membersihkan harta dan menyucikan jiwa seseorang itu daripada sifat bakhil dan kedekut. Zakat yang dikeluarkan akan memberi banyak manfaat kepada 8 golongan asnaf yang memerlukan, lebih-lebih lagi mereka yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan pekerjaan, perniagaan yang mufis disebabkan diuji dengan pandemik COVID-19 ini.

Selain itu, baru-baru ini kita dikhabarkan berita yang amat mendukacitakan dimana banyak tempat telah mengalami banjir besar sehinggakan harta benda rosak dibawa arus dan hilangnya orang yang tersayang. Dengan ibadah zakat yang dihulurkan oleh pembayar zakat sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir yang dialami oleh mereka ini khususnya di negeri Melaka. Zakat yang dihulurkan dapat memberi senyuman dan nafas baru kepada mangsa banjir dengan membina kehidupan semula setelah mus-

nahnya harta benda dan kerugian ribuan ringgit. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 195, yang bermaksud: “Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

Oleh yang demikian, masyarakat yang mampu menunaikan kewajipan yang dituntut oleh syariat Islam tanpa keraguan. Keadaan ini akan menggalakkan golongan asnaf yang dibantu dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan secara tidak langsung ekonomi umat Islam akan lebih bertambah mantap seterusnya memantapkan juga ekonomi negara Islam secara keseluruhannya.

Semoga perkara kebaikan yang dilakukan akan mencapai kesempurnaan dalam kehidupan seseorang itu, bukan sahaja pemberi zakat atau sedekah tetapi penerimanya turut mendoakan kesejahteraan kepada si pemberi.

Selain itu, agama Islam mengajar kita untuk tidak terlalu cinta kepada harta dunia. Hal ini kerana, semua hanya pinjaman oleh Allah SWT. Berusahalah semampu mungkin untuk menjadi seorang pemberi supaya dapat mengikis diri kita daripada sifat tamak dan cintakan dunia semata-mata, seterusnya dapat mendidik hati agar terus sentiasa bersyukur di atas segala nikmat kurniaan-Nya.

Mudah-mudahan ianya dapat menjadi sebahagian amalan yang menjadi bekalan di saham akhirat nanti. In Sha Allah.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian : Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta



Imbas QR Code atau layari www.izakat.com

Zakat Online di: www.izakat.com

Talian Zakat: **1-300-88-0233** | [f Zakat Melaka](#) | [y Zakat Melaka](#) | [zakat.melaka](#) | www.izakat.com



Hanya 2.5%

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



1-300-88-0233
www.izakat.com
[f Zakat Melaka](#)
[y Zakat Melaka](#)
[zakat.melaka](#)
[Zakat Melaka](#)
[Zakat Melaka](#)

Satu Amal *mencipta* Sejuta Manfaat



“Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya”

-Hadith Riwayat Muslim



Seksyen Wakaf MAIM

Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka,
Bukit Palah, 75400 Melaka

☎ 06-283 7416

☎ 06-284 9809

Salhah wanita pertama dilantik Pegawai Kewangan Melaka

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Bekas Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Salhah Salleh dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Melaka yang baharu berkuatkuasa 1 Mac lalu.

Pelantikan Salhah itu sekali gus menjadikan beliau wanita pertama memegang jawatan itu bagi menggantikan Datuk Zaidi Johari yang kini dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Melaka.

Majlis angkat sumpah dan penerimaan watikah pelantikan diserahkan oleh Datuk Zaidi di Seri Negeri.

Salhah, 49, yang juga anak kelahiran negeri ini, pernah menyandang jawatan Pengarah Bahagian Susun Semula Masyarakat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2015.

Pada tahun 2017, beliau pulang ke negeri kelahirannya dan berkhidmat sebagai pemangku Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka.

Manakala pada 2018, beliau menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) sebelum dilantik Pegawai Kewangan Negeri Melaka.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) memulakan perkhidmatannya pada 1998 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum menjadi Penolong Pengarah di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Sosial di



SALHAH (kiri) menerima watikah pelantikan sebagai Pegawai Kewangan Negeri Melaka daripada Zaidi (kanan).

Unit Penyelarasan Pelaksanaan pada tahun yang sama.

Atas jasa dan bakti beliau, Salhah menerima anugerah Darjah Seri Melaka (DSM) pada tahun 2015,

Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) pada tahun 2018 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga kali pada tahun 2002, 2012 dan 2016.

Hasim dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

AYER KEROH - Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Hasim Hasan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

UTeM menerusi satu pemakluman mengucapkan tahniah atas pelantikan Hasim yang dipersetujui Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Pelantikan itu juga selaras dengan Seksyen 17(1)(a) Perlembagaan UTeM untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 Mac 2022 hingga 28 Feb 2025.

Hasim mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 1 Jan 1989 sebagai Penolong Pegawai Daerah (Tanah) di Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol, Negeri Sembilan.

Kerjayanya terus memuncak sehingga memegang jawatan Pengarah di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada November 2012.

Beliau kemudian dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 1 Februari 2019 sebelum bersara secara rasmi pada 29



HASIM

Julai 2021.

Hasim dilahirkan pada 30 Julai 1961, sebelum berkahwin dengan Datin Seri Zarina Mohd Yusoff adalah lulusan Doktor Falsafah (Pengajian Strategik) di Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah.

Beliau turut mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera Kejuruan (Sains Politik) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Selangor serta Diploma Pengurusan Awam (DPA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Antara pingat atau darjah kebesaran adalah Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM), Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP), Darjah Paduka Mahkota Perak (PMP), Ahli Mahkota Perak (AMP), Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC).

MiCoST, Todak Academy jalin kerjasama

BANDARAYA MELAKA - Kolej Antarabangsa Sains & Teknologi Melaka (MiCoST) dalam perancangan untuk mengadakan kerjasama dengan Todak Academy dalam usaha meningkatkan lagi kebolehpasaran graduannya.

Pengurus Pembangunan Perniagaan MiCoST, Suhaini Amsah berkata, perancangan itu adalah hasil kunjungan hormat pihaknya ke Todak Academy di Cyberjaya 2 Mac lalu.

Katanya, dalam kunjungan hormat itu pihaknya turut bertukar-tukar pandangan bersama Pengurus Besar Todak Academy Taufik Rizal Aminuddin.

"Kunjungan Hormat ini bertujuan membincangkan peluang kerjasama secara industri mahupun pengisian daripada segi akademik atau praktikal.

"Hasrat MiCoST adalah menerusi kerjasama dijalin ia dapat membuka sudut pandangan generasi muda untuk menyambung pengajian dalam bidang berkaitan e-Sport dan pembangunan industri kreatif," katanya menerusi satu kenyataan.

Menurutnya, turut disentuh dalam pertemuan itu adalah isu pembangunan pelajar khusus membabitkan perkembangan bakat kreatif dan kemahiran secara terperinci.

"Matlamat kedua-dua pihak adalah dalam membina modal insan yang bukan sahaja celik ilmu namun mempunyai kemahiran dan bakat yang boleh diaplikasikan dalam industri," katanya.

Hadir sama pada kunjungan itu Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Multimedia MiCoST, Wan Amarya Wan Yahaya.



SEKITAR kunjungan hormat MiCoSt ke Todak Academy, baru-baru ini.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK & MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270


SUBJEK: SAINS
BAHAGIAN A

- Antara berikut yang manakah adalah faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas?
 - Suhu bahan tindak balas
 - Kehadiran mangkin
 - Kepekatan bahan tindak balas
 - Saiz bahan tindak balas

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. I, II, III dan IV
- Antara yang berikut, yang manakah paling tepat menjelaskan definisi kadar tindak balas?
 - Kelajuan semua bahan tindak balas mempengaruhi masa yang diberikan.
 - Perubahan kepekatan bahan tindak balas per unit masa.
 - Perubahan dalam kuantiti bahan atau hasil tindak balas per unit masa.
 - Perubahan yang dapat diukur dengan mudah dan dapat diperhatikan.
- Proses yang manakah mempunyai kadar tindak balas yang paling tinggi?
 - Fotosintesis
 - Pengaratan
 - Respirasi
 - Pembakaran
- Proses yang manakah mempunyai kadar tindak balas yang paling perlahan?
 - Pembakaran sampah
 - Pengaratan besi
 - Tindak balas antara magnesium dengan gas oksigen.
 - Tindak balas antara natrium dengan air.
- Apabila magnesium bertindak balas dengan asid hidroklorik, gas hidrogen akan dibebaskan. Sebanyak 30 cm³ gas hydrogen dibebaskan dalam tempoh seminit. Berapakah kadar tindak balas purata?
 - 0.5 cm³/s
 - 0.4 cm³/s
 - 0.3 cm³/s
 - 0.2 cm³/s

BAHAGIAN B

- Rajah 1 menunjukkan eksperimen untuk mengkaji kesan saiz marmar terhadap tindak balas. Eksperimen diulangi dengan menggantikan ketulan marmar dengan serbuk marmar.




Rajah 1

Gas yang dibebaskan dikumpulkan di dalam buret dan isi padunya direkodkan dalam jadual.

Masa (s)	Isi padu gas yang terkumpul (cm ³)	
	Ketulan marmar	Serbuk marmar
0	0	0
30	4	10
60	8	15
90	10	20

120	13	24
150	15	27
180	17	30

- Nyatakan pemboleh ubah – pemboleh ubah dalam eksperimen ini.
 - Pemboleh ubah bergerak balas
 - Pemboleh ubah dimalarkan
 - Apakah hubungan antara saiz marmar dan isi padu gas yang dikumpul?
 - Apakah faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas eksperimen ini?
 - Namakan gas yang dikumpulkan di dalam buret.
2. Rajah 2 menunjukkan proses yang digunakan untuk menghasilkan ammonia dalam industri.



Rajah 2

- Namakan proses yang ditunjukkan di atas.
- Tuliskan persamaan perkataan bagi menunjukkan penghasilan ammonia dalam industry
- Apakah suhu yang optimum bagi tindak balas ini?
 - Terangkan mengapa suhu di bawah suhu optimum tidak sesuai bagi tindak balas ini.
- Nyatakan mangkin yang digunakan dalam proses ini.
 - Apakah fungsi mangkin tersebut?

JAWAPAN:
Bahagian A

- D
- C
- D
- B
- A

Bahagian B

- Isi padu gas terkumpul
 - Kepekatan asid hidroklorik / jisim marmar
 - Semakin kecil saiz marmar, semakin tinggi isi padu gas yang terkumpul.
 - saiz marmar
 - Karbon dioksida
- Proses Haber
 - Nitrogen + Hidrogen ⇌ Ammonia
 - 450 – 500 °C
 - Suhu yang rendah akan menyebabkan kadar tindak balas yang terlalu rendah.
 - serbuk besi
 - Untuk mempercepatkan kadar tindak balas semasa penghasilan ammonia.

Batak Newspapers in Colonial Sumatra: Tiger Sightings, bangso Batak and Narrating the ‘Modern’



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

BATAK newspaper writing before World War II had deep, intertextual relationship with versions of the European novel. The newspapers inform us on modes of writing in school textbooks, guides to ‘old customs’, and ritual speech types found in chanted epics and oratory by chiefs. Batak novelists and newspapermen were prominent figures in colonial north Sumatra. They also spoke fluent Dutch.

Colonial Sumatra’s vernacular newspapers were lively cultural sites where one sees infusions of rhetorical forms and oratorical speech. It is the overlapping in narrating the modern with fiction – precisely in Benedict Anderson’s notion of imagined community. We find these in Angkola Batak-language texts.

In her 2007 paper titled “Narrating ‘the Modern’: colonial-era southern Batak Journalism and Novelistic fiction as Overlapping Literary Forms” in the journal *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (Journal of the Humanities and the Social Sciences of Southeast Asia) anthropologist Susan Rodgers explores Batak newspaper culture in the late colonial Dutch East Indies from 1910s to early 1930s. During the period, there was a thriving (if short-lived) Angkola and Mandailing Batak-language vernacular press issued by Batak-owned small printing presses in southern and central Tapanuli.

We can find these newspapers at the Perpustakaan Nasional (National Library) in Jakarta in its *Katalog Surat Kabar* (Wartini Santoso 1984). In north Sumatra, there is a large Batak press presence in Medan – in terms of the journalistic community, then and now. Also in my last visit to the Muzium Sumatra Utara at Jalan HM Joni in Medan 2018, and several visits over the last few decades, Batak manuscripts are prominently displayed. We would also encounter displays of Medan/ north Sumatra-based newspapers, writers and journalists in their struggle for Indonesian independence.

The Batak-language newspapers is an example of the localization and indigenization of journalism and identity, not dissimilar to the Malay-language newspapers in the Peninsular before World War II. The Angkola and Mandailing society and journalists see the East Indies as a rapidly changing social universe anchored in the

schools, the European plantations and Batak print culture – newspapers, novels and schoolbooks. Print literacy was indeed vibrant. The geographical locale of the east coast Deli was where the Bataks merged with modernity and their imagination of the world.

Such towns as Sibolga, Padangsidimpuan, and Sipirok were small settlements. Some of the Batak-language newspapers were based in locales outside the highlands, in the Deli plantation belt of Pematang Siantar. With the establishment of plantation areas – tea, rubber and tobacco, and primary schools in the Angkola and Mandailing regions, instruction in reading and writing in the Batak syllabary (written characters/ alphabets) was introduced.

According to Rodgers, the syllabary is a linguistic repertoire sometimes called the *aksara*. These writing systems were similar to the Old Javanese script and may have been in use in the uplands for centuries. At European contact times the syllabaries were used to record laments, love songs, spells, and story cycles and tales. Some of these are displayed at the museum in Medan. I remember two on charms and spells, written on strips of bark formed into bark books known as *pustahas*. Sometimes these are folded concertina-fashion and furnished with beautifully-decorated wooden covers. And during the colonial period, Batak primary schools, called *sikola met-met*, literally ‘little schools’ introduced Batak children to *surat Ulando* (Dutch letters), hence the Latin alphabet.

The 1920s saw the emergence of “a heady southern Batak literary culture” (in print, Dutch letters) in Pematang Siantar, also in Sipirok, Padangsidimpuan, and Sibolga. This enabled the flourishing of Batak-language press for a brief period. From 1910s and continuing on through the mid 1930s, five predominantly southern-Batak-language newspapers appeared. The weeklies and biweeklies included *Sipirok Pardomoan* from Sipirok, *Tapien Naoeli* and *Poestaha* from Sibolga. The period also saw the Batak-language *Patoengkoan* in Pematang Siantar, writing mostly about *adat* (custom).

News was locally defined. These are of clan celebrations, buffalo sacrifice feasts, school items, plantation crop prices, crime stories, tiger sightings, and family life features. There were also fillers on the Dutch monarchy, and countless essays on language matters – typically discussed in terms of being modern in the Indies. It was discovered that writers and journalists were often asked, What language (Angkola Batak? Malay? Dutch?) should the well-informed, newspaper-reading Batak household in Sipirok (or indeed in Deli), employ in raising small children?

Journalists and their readers of the Batak-language press were highly educated, with fluency in both Malay and Angkola Batak. From interviews conducted, Rodgers finds that the readers seem to have been a mix of schoolteacher families, coffee and



THE Batak-language newspapers is an example of the localization and indigenization of journalism and identity, not dissimilar to the Malay-language newspapers in the Peninsular before World War II.

“ Print literacy was indeed vibrant. The geographical locale of the east coast Deli was where the Bataks merged with modernity and their imagination of the world ”

cloth merchant elites, school-minded rajas, office clerks and hospital clinic staff.

By the 1930s, the Batak press coverage included stories on political clubs, the world depression, nationalism in other Asian countries, and political parties in the Indies. There were also newspapers that used Malay, namely in Tapanuli. The titles include *Sinar Merdeka* and *Soera Sini* from Padangsidimpuan; *Soera Rajat* and *Pardomoan* from Sipirok (the latter mixed with Angkola Batak), and *Bergerak* and *Hindia Sepakat* from Sibolga.

In the heydays of the Batak vernacular press, issues of being *maju*, ‘progressive, forward thinking’ were discussed as early as 1914. A front-page story from the 8 January edition of *Poestaha* of that year was

headlined ‘Sai madjoe nian bangso Batak!’ (May the Batak people indeed always go forward!). Becoming *maju* was a subtler trope in the Batak-language fiction of the 1920s. On the other hand, we also find consistent critiques of Batak ‘backwardness.’

NEXT WEEK:
Semut, Raya and Sumatra

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

33 lokasi pelancongan tawar diskaun

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Kempen Melakan Visit Melaka Packages 4.0 diperluaskan bagi menarik lebih ramai anak jati negeri ini memperkasa industri pelancongan Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kempen kali keempat dilancarkan itu akan bertambah sebanyak 33 lokasi pelancongan di Melaka dengan diberi diskaun sehingga 57 peratus.

Jelasnya, kempen dilaksanakan susulan kesinambungan yang dijalankan sebelum ini yang menerima lebih dari sasaran kerajaan negeri iaitu 5.6 juta pelancong setahun.

"Kempen Promosi Melakan Visit Melaka Packages

1.0 telah dilancarkan bermula pada 8 Nov 2020 yang bertujuan untuk memulihkan pelancongan serta menggalakkan rakyat Melaka untuk bercuti di dalam negeri sendiri.

"Kemudian, sekali lagi pada 21 Nov 2020, kita juga telah melancarkan Kempen Promosi Melakan Visit Melaka Packages 2.0 dan sebanyak 58,465 pakej pelancongan telah terjual dengan jumlah pendapatan sebanyak RM459,948 sehingga 31 Dis 2020.

"Disebabkan sambutan yang amat menggalakkan, kempen ini diteruskan kepada Kempen Melakan Visit Melaka 3.0 yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dengan jumlah jualan pakej sebanyak 92,870 dengan jum-

lah pendapatan sebanyak RM1,734,815.90," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pelancaran Kempen Melakan Visit Melaka Packages 4.0, di sini 1 Mac lalu yang turut dihadiri EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Beliau berkata, anak Melaka hanya perlu datang ke lokasi pelancongan dan menunjukkan kad pengenalan di kaunter tiket untuk mendapatkan potongan diskaun.

"Malah inisiatif ini juga dibuka kepada penjawat awam di negeri ini dengan hanya menunjukkan kad pekerja bagi mendapatkan potongan yang sama," katanya.



SULAIMAN (kiri) dan Muhammad Jailani menunjukkan pakej diskaun Melakan Visit Melaka Packages 4.0. Foto: Mohd Azren Jamaludin

MBMB buka tiga tapak 'uptown' baharu

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR - Sebanyak tiga tapak perniagaan berkonsep 'uptown' bakal dibuka Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam usaha memperkasa bidang keusahawanan dan menyokong peniaga kecil, selain merancang pelancongan di negeri ini.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu memaklumkan tarikan perniagaan terbaharu itu ialah Sungai Melaka Vintage di Dataran Sungai Melaka; Bazar Kotalokal di Padang Dataran Pahlawan dan Melaka Raya Uptown and Back Street Food Centre di Jalan Melaka Raya 14.

Menurutnya, ketiga-tiga lokasi itu menawarkan keseluruhan 264 tapak perniagaan yang mana kesemuanya di bawah pengurusan dan kendalian MBMB.

"Menyedari konsep Uptown merupakan antara trend terkini tempat perniagaan yang semakin digemari ramai, maka MBMB telah menyediakan tiga buah lokasi di tengah Bandaraya Melaka bagi memberi ruang dan peluang kepada peniaga kecil untuk menjana pendapatan bagi tujuan kelangsungan hidup usai pandemik COVID-19 selain turut menyokong konsep Melaka Bebas Berniaga yang diilangkan oleh Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata, setakat ini sejumlah 144 lesen perniagaan telah dikeluarkan kepada peniaga yang mematuhi syarat-syarat per-

mohonan lesen.

Jelasnya, antaramenjanj perniagaan yang ditetapkan di ketiga-tiga lokasi ialah jualan barangan antik, penjualan makanan dan minuman, pakaian dewasa dan kanak-kanak, mainan kanak-kanak, barangan kraftangan serta pelbagai lagi dengan harga yang berpatutan.

"Bazar ini akan beroperasi tiga hari seminggu iaitu pada Jumaat hingga Ahad dan waktu operasinya adalah pada jam 5 petang hingga 12 tengah malam," katanya.

Mengulas lanjut, Zainal memaklumkan setakat ini Bazar Kotalokal di Padang Dataran Pahlawan masih terdapat kekosongan 70 tapak perniagaan dengan sewaan RM400 sebulan untuk khemah dan punca kuasa elektrik.

Bagi Sungai Melaka Vintage Night Market, sewaan yang dikenakan adalah RM20 per malam, manakala Melaka Raya Uptown and Back Street Food Centre pula pihak penganjur menawarkan sewaan RM300 sebulan termasuk penyediaan khemah, punca kuasa elektrik, apron dan sanitizer untuk kemudahan peniaga.

Bagi peniaga yang ingin menjana pendapatan sampingan menerusi penganjuran 'uptown' tersebut bolehlah menghubungi pihak penganjur; Diana : 017 - 2551107 (Sungai Melaka Vintage Market), Acid : 011 - 10197557 (Bazar Kotalokal, Dataran Pahlawan) dan Shafie : 019 - 6885854 (Melaka Raya Uptown And Back Street Food Centre).



BAZAR Kotalokal di Dataran Pahlawan antara tarikan uptown terbaharu di Bandaraya Melaka.

'Relax Corner' platform anak muda serlah potensi

AYER KEROH - Kerajaan negeri menerusi Jabatan Belia dan Sukan (JBS) melancarkan program 'Relax Corner' bertujuan sebagai platform mengumpulkan belia dan anak muda untuk berinteraksi dan menyerlah potensi diri.

EXCO Belia dan Sukan Negeri V P Shanmugam berkata, program itu akan dilaksanakan secara mingguan pada setiap Sabtu dan Ahad bermula jam 8 malam hingga 12 tengah malam di empat buah lokasi.

Jelasnya, antara lokasi yang dipilih ialah Leypark Station Dataran Sejarah Ayer Keroh; Kota Lokal Dataran Pahlawan Megamall Banda Hilir; Dataran Keris Alor Gajah dan Laman Budaya Jasin.

"Antarapengisian aktiviti sepanjang program tersebut ialah seperti 'Street Showcase' termasuklah 'Flash Mob', kaligrafi Street Art (lukisan), permainan tradisional, buskers atau nyayian dan persembahan seni wajadiri.

"Kita menyasarkan penyertaan seramai 60,000 anak muda terdiri dari-

pada ahli pertubuhan belia, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), pelajar sekolah, dan masyarakat awam akan menerusi program yang diadakan selama setahun itu," katanya.

Beliau berkata, objektif utama penganjuran 'Relax Corner' adalah melahirkan generasi muda yang mempunyai pemikiran progresif, berdaya maju dan mampu menjadi ejen pengubah agenda sosial, ekonomi dan kelestarian dalam kalangan masyarakat tempatan.

Selain itu, ujarinya, ia juga bagi merencanakan lagi proses pengembangan bakat dan potensi diri anak muda di Melaka.

"Pada masa sama, kita mahu membantu golongan belia menjalankan aktiviti pembangunan ekonomi kreatif, keusahawanan dan sukan melalui ruang serta kemudahan yang disediakan.

"Ia juga menepati perancangan Kerajaan Negeri Melaka dalam melaksanakan manifestasi dan agenda pemeraksanaan golongan belia," tambahnya.



SHANMUGAM (kiri) ketika majlis pelancaran 'Relax Corner' di Dataran Pahlawan baru-baru ini. Hadir sama, Pengerusi Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) Datuk Mohd Ridwan Mohd Ali.

13,134 pelajar Melaka duduki SPM

Norizan Abdul Muhid

BUKIT KATIL - Seramai 13,134 calon menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di 102 pusat peperiksaan di seluruh negeri ini bermula 2 Mac.

EXCO Pendidikan negeri, Datuk Rais Yasin berkata, daripada jumlah itu 86.4 peratus atau 11,352 adalah calon sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah agama bantuan kerajaan.

Beliau berkata, baki-nya adalah calon dibawah agensi kerajaan, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), calon swasta dan calon persendirian.

"Daripada jumlah keseluruhan calon tersebut, terdapat seramai 72 calon berkeperluan khas turut menduduki peperiksaan SPM 2021.

"Seramai 1,420 petugas peperiksaan dilantik bagi memastikan peperiksaan berjalan lancar mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Katil, 2 Mac lalu.

Menurut Rais, calon SPM yang tidak dapat mengambil ujian berturut, ujian mendengar dan ujian amali termasuk ujian bertulis disebabkan positif

COVID-19 atau menjalani kuarantin berkemungkinan dibenarkan mengambilnya pada April ini.

Katanya, setakat ini, semua pusat peperiksaan SPM di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan di seluruh negeri beroperasi seperti biasa tanpa ada penutupan premis oleh jabatan kesihatan negeri.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan calon merujuk jadual peperiksaan SPM 2021 untuk maklumat butiran tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung.

SPM 2021 bermula 2 hingga 29 Mac dengan pematuan SOP yang ketat.



RAIS (berdiri, dua dari kiri) melihat calon SPM mengulangkaji sebelum menduduki peperiksaan di SMK Bukit Katil. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Jasin bakal jadi pusat kraftangan pelancongan, warisan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Kerajaan negeri bercadang menjadikan Jasin sebagai pusat kraftangan pelancongan, warisan dan tradisional di Melaka.

EXCO Kanan Keusahawanan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, perkara itu dicadangkan berikutan daerah Jasin menjadi kawasan yang paling aktif menghasilkan produk kraftangan dan warisan bernilai tinggi di negeri ini.

Beliau berkata bagi memperkasa sektor keusahawanan berasaskan produk nilai warisan dan tradisional itu, pihaknya akan bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenal pasti usahawan berkenaan dan seterusnya membimbing

mereka menerusi agensi dan jabatan kerajaan negeri yang terlibat.

"Mana-mana individu atau syarikat yang mempunyai produk bernilai tinggi dalam bentuk warisan dan tradisional, kerajaan negeri akan membantu mereka.

"Ia termasuklah bantuan bimbingan dan mengetengahkan produk mereka daripada sudut pemasaran, selain membesarkan lagi perniagaan mereka.

"Fokus kita ialah kepada produk yang menggunakan kreativiti seni tangan dan bercirikan tradisional," katanya ketika menjawab soalan lisan Datuk Lim Ban Hong (BN-Klebang) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, 3 Mac lalu.



PEKAN Jasin. Gambar hiasan - Foto: internet

Tedung selar melingkar atas peti ais



ULAR tedung selar sepanjang dua meter melingkar di atas peti sejuk di Kampung Simpang Ampat. Foto APM Alor Gajah

TABOH NANING - Seekor ular tedung selar sepanjang dua meter masuk ke sebuah rumah sebelum melingkar di atas peti sejuk di Kampung Simpang Ampat di sini, baru-baru ini.

Pengajar madrasah, Mutalib Dipong, 30 berkata kehadiran tetamu tidak diundang itu disedari sewaktu salah seorang anggota keluarganya memasuki dapur pada jam 12.30 tengah hari.

Menurutnya, sebelum itu reptilia tersebut mengeluarkan bunyi desiran yang kuat serta mengangkat kepalanya.

"Bunyi desiran itu datang dari arah bekas penutup makanan yang terletak atas peti sejuk dan alangkah terkejutnya kami apabila mendapati bunyi itu adalah ular tedung.

"Kami kemudiannya cuba menghalau ular tersebut keluar tetapi ia menjalar memanjat atas bumbung rumah dan tiba-tiba hilang.

"Namun, apabila kami masuk semula ke dapur, kami dapati ular tersebut berlingkar semula atas peti sejuk," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Menurutnya, dalam keadaan cemas itu, dia menghubungi talian kecemasan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Alor Gajah bagi mendapatkan bantuan.

Ujarnya, kemungkinan ular tersebut datang dari hutan berhampiran yang terletak di belakang rumah yang didiami sejak lebih lima tahun.

"Mujurlah ular tersebut tidak agresif dan pasukan keselamatan juga tidak menghadapi kesulitan semasa menangkap ular berkenaan," katanya.

Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Pertahanan Awam Daerah (PPAD) Alor Gajah, Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pada jam 2.30 petang.

Menurutnya, seramai empat anggota dikejarkan ke tempat kejadian dan mengambil masa selama dua minit bagi menangkap ular tersebut.



DR. Shankar Gunarasa



HERNIA inguinal adalah hernia yang paling kerap dilihat pada bahagian abdomen. Hernia inguinal berlaku disebabkan oleh bonjolan yang keluar dari dalam abdomen (biasanya usus besar, usus kecil dan lapisan lemak omentum) keluar abdomen yang dilipisi membrane nipis yang membentuk kantung atau hernia sac. Ia berlaku di lengkung kaki dan 75 peratus masalah hernia disebabkan oleh hernia inguinal.

Golongan lelaki lebih kerap menghidapi masalah ini berbanding golongan wanita. Hernia inguinal ini terdiri daripada dua jenis iaitu hernia inguinal langsung (direct) dan hernia inguinal tidak langsung (indirect).

Hernia inguinal berlaku pada kawasan di mana dinding abdomen yang agak kurang tebal. Ia biasanya tidak menonjol ke dalam skrotum. Hernia langsung ini lebih cenderung berlaku kepada mereka yang berada di peringkat pertengahan umur dan orang tua. Ini disebabkan dinding abdomen menjadi semakin lemah apabila umur meningkat. Hernia inguinal tidak langsung ini berlaku akibat bonjolan terkeluar melalui jalan yang pernah dilalui oleh testis semasa perkembangan di peringkat janin dahulu. Kadangkala bonjolan ini terkeluar ke dalam kantung buah zakar. Biasanya hernia jenis ini berlaku pada usia yang muda.

Faktor-faktor penyebab hernia

Hernia kebiasaannya berlaku disebabkan oleh peningkatan tekanan di dalam ruang abdomen yang berlebihan yang boleh menyebabkan bonjolan keluar dari abdomen dan menyumbang kepada hernia.

Hernia Inguinal: Gejala dan simptom

Antara faktor-faktornya ialah:

- Obesiti,
- Mengangkat objek berat atau aktiviti angkat berat
- Batuk berlamakan seperti penyakit paru paru kronik
- Meneran semasa buang air besar atau kecil
- Ada cecair di dalam ruang abdomen atau ascites


Hernia inguinal juga boleh berlaku dalam kalangan para atlet, lebih-lebih lagi dengan permainan lasak seperti bola sepak. Kerap anda mendengar tentang pemain bola sepak mengalami "groin injury" disebabkan menjangkau bola. Kebiasaannya mereka lebih cenderung mengalami masalah direct inguinal hernia. Namun cara mendiagnosis dan rawatan tetap sama.

Apakah tanda-tanda hernia inguinal?

Simptom yang utama adalah bonjolan yang tiba-tiba timbul di bahagian peha, inguinal iaitu di bahagian ari-ari. Lanya akan timbul dan hilang sama sekali seperti angin pasang. Sesetengah bonjolan ini tidak akan hilang dan bila ini berlaku, pesakit akan mengadu kesakitan. Lebih-lebih lagi apabila meneran atau menjalani aktiviti lasak, kesakitannya akan menjadi lebih ketara. Masalah hernia inguinal ini boleh memberi masalah yang parah.

Bila kantung hernia tersebut mengandungi usus kecil atau besar, pesakit akan mengalami "intestinal obstruction" dan akan mengalami masalah kembung perut. Keadaan ini memaksa pesakit terpaksa menjalani pembedahan untuk mengelakkan ususterbocor.

Ada yang datang dengan gejala dan tanda-tanda yang teruk seperti bonjolan yang sakit (incarcerated). Kulit luar mungkin kelihatan merah kehitaman dan pesakit mungkin demam. Ini adalah akibat kandun-



gan bonjolan seperti usus telah mengalami kekurangan bekalan darah akibat himpitan (jerutan) salur darah biasanya di lubang bukaan hernia. Ia dikenali sebagai angin pasang terbelit (strangulated inguinal hernia) dan memerlukan pembedahan serta-merta untuk mengelakkan usus menjadi hitam atau ischaemia.

Rawatan


Rawatan untuk hernia adalah untuk mengelakkan faktor-faktor yang boleh meningkatkan tekanan di ruang abdomen. Ini terdiri daripada merawat sembelit dan juga masalah prostate yang membesar seperti benign prostatic hyperplasia (BPH). Kedua-dua faktor ini boleh menyebabkan masalah hernia inguinal dan mesti dirawat sebelum

pembedahan boleh dilakukan.

Rawatan yang lazim di gunakan untuk hernia inguinal ini ialah pembedahan secara tradisi seperti "open inguinal hernia". Tetapi sekarang dengan adanya "key-hole surgery", pembedahan laparoscopic inguinal hernia dapat dilakukan.

Kebaikan cara laparoskopi ini ialah pesakit akan merasa kurang sakit, dapat pulang kerja awal dan bagi para atlet, dapat kembali ke aktiviti sukan secepat mungkin.

Sekiranya anda mahu mengetahui lebih lanjut mengenai masalah hernia inguinal ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**



BERIKUT adalah gambar gambar dalaman abdomen untuk pembedahan laparoscopic inguinal hernia.



Tahniah 100 Hari

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan


**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI
SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

Dan

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
DAN SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA**



Setulus Ikhlas Daripada



PERTAM

TIMBALAN PENERUSI, LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN WARGA KERJA
PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA

PRN Johor: Lima ikhtiar BN

JOHOR BAHRU - Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor Datuk Hasni Mohammad pada 1 Mac lalu mengumumkan senarai senarai lima Ikhtiar untuk menambat hati rakyat negeri itu yang akan menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih 12 Mac ini.

Antara diberikan perhatian oleh BN Johor adalah Kemajuan Ekonomi, Kesejahteraan Rakyat, Orang Muda Johor (OMJ), Pentadbiran Berintegriti dan Reformasi politik.

Pada PRN kali ini BN meletakkan calon di semua 56 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan, dengan 37 calon itu daripada UMNO, MCA (15) dan MIC (empat).

IKHTIAR 1: KEMAJUAN EKONOMI

1. Mengembalikan kehebatan ekonomi Johor yang pernah menjadi penyumbang tertinggi kepada keseluruhan pelaburan Malaysia.

2. Melaksanakan sembilan inisiatif yang bakal melonjakkan ekonomi negeri Johor, antaranya dalam bentuk fasilitasi pelaburan dan pembangunan sosioekonomi daerah mengikut kearifan serta potensi tempatan.

3. Menerusi Johor Niaga, tiga inisiatif utama akan dilaksanakan antaranya pinjaman faedah RM100 juta Bank Rakyat dan pelbagai bantuan kewangan tahunan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terkesan dengan COVID-19.

IKHTIAR 2: KESEJAHTERAAN RAKYAT

1. Dalam masa lima tahun, kesenjangan ekonomi dan pendapatan akan dirapatkan dengan pelbagai bantuan kepada golongan sasaran yang memerlukan.

2. Menerusi Johor Berkeadilan, terdapat lapan inisiatif khusus akan dilaksanakan termasuk pemberian bantuan kewangan tahunan sebanyak RM3,001 hingga

RM7,000.

3. Kos penjagaan anak akan dikurangkan dengan perluasan taska milik Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim selain menawarkan yuran penjagaan anak yang berpatutan kepada semua Bangsa

kerajaan negeri.

9. Meningkatkan kualiti hidup Masyarakat Desa Johor dengan empat inisiatif utama, antaranya meningkatkan kualiti hidup dalam pelbagai aspek sosioekonomi seperti penciptaan pekerjaan dan pemerka-

atif 'Johor Green Deal' akan dilaksanakan merangkumi aspek tenaga bersih, pengangkutan dan mobiliti, mitigasi bencana alam dan bandar rendah karbon secara berperingkat dalam masa lima tahun dengan dukungan Syarikat Berkaitan Kerajaan

Ikhtiar 3: Orang Muda Johor (OMJ)

1. Bagi membangun potensi dan mencipta peluang kepada OMJ, enam inisiatif utama akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun antaranya bantuan kewangan tahunan RM500 kepada semua mahasiswa Johor daripada keluarga B40 dan mewujudkan lebih banyak rumah transit kepada OMJ yang layak dengan harga sewa yang amat berpatutan di kawasan-kawasan strategik.

Ikhtiar 4: Pentadbiran Berintegriti

1. Membudayakan Pentadbiran Berintegriti menerusi lima inisiatif utama bagi memastikan integriti dan kebertanggungjawaban jentera kerajaan dapat dibudayakan secara serius antaranya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wajib untuk mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) akan diwujudkan untuk ADUN, pegawai utama kerajaan negeri dan ketua kampung selain pelaporan secara berkala akan dilaksanakan kepada rakyat sekerap mungkin.

IKHTIAR 5: REFORMASI POLITIK

1. Memupuk naratif politik baharu yang matang bagi menjamin kestabilan masa depan rakyat dan negeri dengan memperkenalkan enam inisiatif utama dan meneruskan inisiatif Reformasi Politik yang telah dilaksanakan termasuk meneruskan peruntukan tahunan RM200,000 untuk ADUN kerajaan dan pembangkang dengan sama rata.

2. Memperkasa peranan demokrasi, dengan mandat dua pertiga, perempadanan semula akan dilaksanakan bagi kawasan DUN yang mempunyai jumlah pengundi yang ramai. - BERNAMA



SEKITAR Majlis Pelancaran Ikhtiar BN Johor, 1 Mac lalu. Foto: UMNO Online

Johor.

4. Mengekalkan identiti Bangsa Johor melalui dua inisiatif utama yang bakal dilaksanakan di bawah Johor Berbudaya dan Berkepimpinan.

5. Menegakkan Syiar Islam dan Kemajuman Johor melalui enam inisiatif antaranya, menaik taraf Kolej Pengajian Islam Johor (MARSIAH) kepada status kolej universiti.

6. Memperluaskan cukai tanah nominal yang kini diberikan kepada masjid dan surau kepada rumah ibadat bukan Islam.

7. Meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa Johor dengan lima inisiatif utama antaranya memudahcara pembinaan Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) dan melantik wakil kerajaan negeri dalam Lembaga Felda.

8. Penyelenggaraan jalan di kawasan Felda akan diserahkan kepada

saan modal insan.

10. Melaksanakan Pelan Rejuvenasi Desa Johor secara berperingkat.

11. Mobiliti rakyat akan lebih lancar dan ekonomi semakin berkembang, disokong Infrastruktur Awam Johor moden menerusi empat inisiatif mengintegrasikan Bus Rapid Transit (BRT), Rapid Transit System (RTS) dan Light Rail Transit (LRT) di bawah satu sistem pengangkutan yang tersusun dan dinamik.

12. Tadbir urus Perumahan Johor akan diperkukuhkan lagi dengan dua inisiatif utama termasuk penubuhan Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor atau Johor Housing Board.

13. Menggiatkan usaha pematuhan 'Economic, Social and Governance' (ESG).

14. Melalui Johor Lestari, inisi-

(GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak-pihak berkuasa pembangunan wilayah di Johor.

15. Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dan sektor baharu serta menggalakkan penghijrahan semula golongan profesional dari Singapura ke Johor.

16. Johor Kerja akan melaksanakan dua inisiatif besar, antaranya menawarkan 100,000 peluang pekerjaan khususnya bidang pertanian moden, ekonomi digital dan ekonomi kreatif.

17. Menyediakan pelbagai program peningkatan kemahiran berteknologi ekonomi masa hadapan melalui Johor Berkemahiran dengan pelaksanaan tiga inisiatif utama termasuk membudayakan 'Ekonomi Kreatif, Ekonomi Rakyat' menerusi pelbagai program sokongan dan geran tahunan.

'Saya tidak akan lupa saya datang dari Benut'

PONTIAN - "Saya tidak akan lupa bahawa saya datang dari Benut," kata Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad sambil menegaskan bahawa pembangunan di Benut yang terletak di dalam daerah Pontian itu akan terus dekat di hatinya.

Hasni yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor berkata, beliau akan berusaha membawa pembangunan ke Benut bagi mengubah suasana dan landskapnya supaya kawasan itu tidak hanya terkenal dengan burasak iaitu makanan tradisi masyarakat Bugis.

"Saya tidak akan lupa bahawa saya datang dari Benut dan mendapat sokongan daripada orang Benut, tentunya cara untuk membangunkan Benut menjadi keutamaan saya.

"Kita akan cuba ubah suasana dan keadaan landskap Benut, bukan hanya terkenal dengan burasak sahaja. Kita akan bawa banyak lagi program pem-

angunan ke tempat ini. Benut tiada kurangnya dengan kawasan lain (di Johor) yang boleh kita banggakan," katanya.

Hasni berkata demikian ketika melancarkan antologi puisi 'Untukmu Yang Bertandang' di Rumah Citra Sri Pinang, Benut, di sini, 2 Mac lalu.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Benut itu berkata beliau akan meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar negeri ini sekiranya BN diberi mandat pada 12 Mac ini.

Beliau berkata sekolah menengah agama berasrama penuh akan dibina di Benut sekali gus boleh menjadi sumber mem-



HASNI

bekalkan tenaga pelajar bagi memenuhi pembangunan Kolej Universiti Islam Johor yang sedang dirancang.

Menurut Hasni, pembangunan tersebut selari dengan hasrat untuk membangunkan 'Education Avenue' di sepanjang pekan Benut.

"Ini kerana di sepanjang jalan utama Benut ini terdapat sekolah-sekolah dan kita telah mulakan langkah untuk mengubah landskap dan juga ciri-ciri yang ada di pekan Benut ini supaya ia memiliki aspek pemodenan yang boleh diperkenalkan di Benut ini.

"Saya yakin dan percaya itu akan menjadi pencetus kepada pembangunan seterusnya," katanya. - BERNAMA

Ceramah, kempen dibenar sehingga 12 tengah malam - SPR

JOHOR BAHRU - Ceramah, syarahan dan kempen pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor kini boleh diadakan hingga pukul 12 tengah malam.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam kenyataan pada 2 Mac, pin-

rap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika kempen pilihan raya serta garis panduan pencegahan COVID-19 bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya serta tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan awam," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, SPR menetapkan ceramah, syarahan dan kempen pada PRN Johor hanya boleh diadakan hingga 10 malam. - BERNAMA



ramah dan peserta menghadiri kempen berkenaan haruslah tidak melebihi 100 orang atau 50 peratus kapasiti ruang dan tidak boleh diadakan di premis yang terbuka atau di tempat awam.

"SPR berhadapan prosedur operasi standard (SOP) itu berkuat kuasa serta-merta dan dibuat berdasarkan cadangan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Selain melanjutkan waktu berkempen, SPR turut membenarkan penganjuran kempen secara fizikal di dalam atau perkarangan pejabat dan bilik gerakan parti.

Tahriah 100 HARI

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN
BIN MD ALI**
KETUA MENTERI MELAKA

Dan
**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA**

Setulus Ikhlas Daripada



مُرِيدَانِن قَوْمِبَاغُونِن سَوْعَاي دَان قُنْتَاي مَلَاك
**Perbadanan Pembangunan
Sungai dan Pantai Melaka**
Melaka River and Coastal Development Corporation

**Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif
& Seluruh Warga Kerja Perbadanan
Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka**



Baru 15 tahun dah jadi 'toyol'

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Seorang remaja yang tidak berseko-

lah berusia 15 tahun antara tujuh individu ditahan dipercayai terbabit dalam kegiatan kes pecah tabung

masjid di negeri ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata semua

suspek berusia antara 15 hingga 35 tahun itu ditahan dalam beberapa siri tangkapan sejak Jan lalu.

Katanya, semua suspek itu dipercayai bergerak secara solo dan mencuri tabung masjid bagi membeli dadah dalam kuantiti kecil dan perbelanjaan harian berikutan kesemuanya tidak memiliki pekerjaan tetap.

"Siasatan mendapati semua suspek memasuki masjid dengan memakai helmet dan pelitup muka antara jam 12 tengah malam hingga 5 pagi sebelum masuk solat Subuh untuk mencuri wang

dalam tabung berkenaan.

"Suspek menyasarkan masjid yang tidak berkunci manakala bertindak mengumpul pintu masjid bagi memasuki premis terbabit," katanya dalam satu kenyataan di sini, 3 Mac lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata semakan mendapati semua suspek mempunyai rekod lampau membabitkan jenayah dan dadah.

"Dengan penahanan semua suspek, polis berjaya menyelesaikan lapan kes pecah tabung masjid yang kerugiannya dianggarkan bernilai RM5,000,"

katanya.

"Sehubungan itu, semua ahli jawatankuasa rumah ibadah terutamanya masjid dan surau diminta memberi lebih perhatian ke atas perkara ini. Kini menyarankan kutipan wang dalam tabung itu disimpan di tempat selamat bagi mengelakkan kes berulang.

"Selain itu, rumah ibadah itu perlu dipasang kamera litar tertutup CCTV bagi meningkatkan pemantauan keselamatan dan memudahkan polis menjalankan siasatan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini," katanya.



ANTARA rampasan kegiatan pecah tabung masjid di sekitar Melaka. Foto ihsan PDRM

Diparang kerana hutang

KOTA LAKSAMANA - Perselisihan faham akibat hutang dipercayai menjadi punca pergaduhan tiga lelaki warga Afrika dalam kejadian di parkir kereta sebuah pangsapuri di Jalan Ong Kim Wee 1 Mac lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhlis Azman Aziz ketika dihubungi mengesahkan kejadian yang berlaku pada jam 11 pagi itu.

Katanya, pergaduhan dipercayai berkaitan hutang dan menyebabkan seorang daripada tiga lelaki warga Afrika

itu cedera akibat dilibas dengan parang.

"Suspek yang cedera menerima rawatan di Hospital Melaka (HM) manakala seorang lagi berusia 43 tahun ditahan untuk siasatan lanjut.

"Usaha sedang dijalankan untuk mengesan seorang lagi suspek dipercayai melarikan diri," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, siasatan masih diteruskan dan kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan cedera parah dengan senjata.



LOKASI pergaduhan membabitkan tiga lelaki warga Afrika menyebabkan seorang daripada mereka cedera akibat dilibas menggunakan parang.

MAKLUMAN

PENAMATAN OPERASI SYARIKAT

AGENSI PEKERJAAN AJ TAWAKAL SDN BHD

22L - 1 JALAN PAYA IKAN,
TAMAN HARTA
PERTAMA, BUKIT BARU
75150 MELAKA.

Tahniah 100 HARI

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN
BIN MD ALI**
KETUA MENTERI MELAKA

Dan
**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA**

Setulus Ikhlas Daripada



**Timbalan Pengerusi, Pengurusan Tertinggi
dan Warga SAMB**



'Sabri Thai V6' permata Muaythai Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

JIKA dahulu sukan Muaythai lebih didominasi petinju dari Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia, kini siapa sangka Melaka juga mampu menjadi 'kilang' melahirkan atlet

berkelas dunia.

Ia selepas dua petinju muaythai dari bumi bersejarah berjaya mendominasi Kejohanan Kuda Merah Muaythai Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di

Stadium Titiwangsa, baru-baru ini.

Yang paling mencuri tumpuan ialah Wan Mohammad Sabri Wan Mohd Zuki, 22 yang berjaya merangkul tali pinggang terbaik kejohanan bagi kategori Super Fight 60

kilogram.

Wan Mohd Sabri atau nama pentasnya Sabri Thai V6 berjaya menewaskan lawannya R K Kumaran dari Kelab Wolves Selangor dalam pertarungan sengit sebelum menang menerusi kiraan mata.

Dia menyifatkan kejayaan itu sebagai pembakar semangat untuknya dalam misi membantu Melaka meraih pingat dalam sukan muaythai pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2021 yang dijadual pada Okt depan.

"Kejohanan ini merupakan antara persiapan saya bagi menghadapi SUKMA kerana saya memang berhasrat meraih pingat untuk Melaka.

"Alhamdulillah dengan kejayaan ini ia sangat membantu saya untuk terus fokus kepada misi saya dan saya berharap ia juga dapat membantu mengembangkan lagi karier sukan saya selepas ini," katanya kepada

Melaka Hari Ini.

Selain Wan Mohammad Sabri, petinju Melaka yang turut cemerlang ialah Mohd Nafizi Mat Nasir yang berjaya merangkul tali pinggang sensasi pada kejo-

hanan tersebut.

Dia yang juga wakil Rizq Muaythai Melaka berjaya menewaskan Mohd Shahrol Hakim Rosli dari Red Army ATM Muaythai.



SABRI Thai V6 bergambar bersama pasukannya selepas meraih tali pinggang pada Kejohanan Kuda Merah Muaythai di Stadium Titiwangsa.

PROFIL SABRI THAI V6:

NAMA: Wan Muhammad Sabri bin Wan Mohd Zuki

UMUR: 22 tahun

MENETAP: Jasin Melaka

PENCAPAIAN:
- Pingat gangsa di Kejohanan Antara Kelab peringkat Kebangsaan 2022

- Pingat emas Waikru Muaythai Kebangsaan 2019



Jasin United juara sepak takraw Piala Sulaiman

JASIN United Sepak Takraw (J.U.S.T Club) merangkul gelaran juara pada Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Melaka bagi merebut Piala Sulaiman 2022 menewaskan JMF (A).

Pada aksi final di Dewan Kompleks Komuniti Desa (KKD) Kemas Melaka Tengah di sini, J.U.S.T Club terpaksa mengheret pasukan JMF (A) ke set penentuan dengan keputusan 21-14 selepas terikat pada dua set pertama 21-9, 10-21.

Selaku juara, regu J.U.S.T Club membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 dan piala pusingan manakala pasukan JMF (A) membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 serta pingat.

Pasukan JMF (B) yang merangkul tempat ketiga membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 dan pin-

gat manakala tempat keempat diraih ZM Kopi Hainan (A) dengan hadiah wang tunai RM500 serta pingat.

Pemain JMF (B), Aiman Yaakub dinobatkan sebagai pengumpan terbaik manakala Sahidan Md Ali dari JMF (A) sebagai tekong terbaik dan Muhammad Attan Nin Hamdan dari J.U.S.T dipilih sebagai 'killer' terbaik.

Hadiah disampaikan EXCO Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman bagi mewakili Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sebanyak 24 pasukan berentap dalam kejohanan yang dianjurkan Persatuan Sepak Takraw Melaka (PASTAM) itu.



ABDUL Razak bergambar bersama pemenang kejohanan sepak takraw Piala Sulaiman.

Foto: Facebook Abdul Razak Abdul Rahman



AZIZI Shahril (dua dari kiri) dan Zainal Abidin (tengah) ketika hadir pada Bengkel Motivasi Teman FM FC yang diadakan di sebuah hotel di Ayer Keroh, baru-baru ini.

Teman FM FC tekad 'gegau' Liga Melaka

BERAKSI buat kali kelima dalam saingan Divisyen 1 Liga Melaka, Teman FM FC berhasrat untuk mengungguli saingan itu tahun ini.

Pasukan yang terdiri daripada sebahagian pendengar Melaka FM itu menyasarkan gelaran juara sekali gus melayakkan mereka beraksi dalam saingan Liga Malaysia M4 pada tahun hadapan.

Presiden Teman FM FC Azizi Shahril Abd Razak berkata, persiapan rapi telah dijalankan pasukannya itu dalam misi muncul pasukan terbaik dalam 14 pasukan bertanding musim ini.

Katanya, pelbagai perancan-

gan telah dirangka termasuklah mengadakan bengkel motivasi dalam misi membawa semangat baharu kepada para pemain.

"Bengkel motivasi itu turut dimeriahkan dengan kehadiran legenda bola sepak negara yang juga bekas Ketua Jurulatih Melaka United Zainal Abidin Hassan.

"Malah, Zainal turut meniup api semangat kepada pemain dengan menyuarakan keyakinan bahawa pemain dari liga bawahan mampu melebar sayap menjadi pemain negara suatu hari nanti.

"Keyakinan itu dizahirkan-nya memandangkan beliau sen-

diri pernah melakukannya suatu ketika dahulu, dengan syarat pemain perlulah berusaha lebih gigih," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Untuk rekod, Teman FM FC bakal beraksi dalam kumpulan A Divisyen 1 Liga Melaka yang bermula pada 5 Mac.

Liga Melaka kembali diadakan selepas terhenti selama dua tahun ekoran pandemik COVID-19.

Saingan kali ini menerima sambutan cukup hebat selepas menerima penyertaan daripada 60 kelab yang akan beraksi dalam tiga divisyen liga berkenaan.

Tahriah 100 HARI

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan

YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN

BIN MD ALI

KETUA MENTERI MELAKA

Dan

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,

YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, DAN

SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA

Setulus Ikhlas Daripada



Datuk Bandar, Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
serta Seluruh Warga Kerja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka



>> Pemain liga 'bawahan' mampu menyinar 30



MELAKA HARI INI / 7 MAC - 13 MAC 2022

Sukan

MELAKA HARI INI

>> Aset muaythai Melaka 30



SULAIMAN memerhatikan Munira menjulang trofi bakal menjadi rebutan bagi pengajuran Piala Datin Seri Utama Munira. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Piala Datin Seri Utama Munira

'Nyawa' bola sepak wanita

Fiqa Jamal

KEJOHANAN Piala Datin Seri Utama Munira menambah satu lagi trofi berprestij bagi penganjur pertandingan bola sepak khusus untuk wanita di negara ini.

Pengerusi Pertandingan merangkap EXCO Wanita Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah berkata, sebelum ini antara trofi berprestij menjadi idaman pasukan bolasepak wanita tempatan adalah Piala Tun Sharifah Rodziah.

Beliau menyifatkan penganjuran kejohanan itu bukan setakat memeriahkan sebaliknya memberi makna lebih besar kerana dianggap sebagai memberi 'nyawa' kepada arena bola sepak wanita tempatan.

Menurutnya, sepak mula kejohanan itu akan diadakan di Padang 10, Kompleks Sukan Hang Jebat, Paya Rumput bermula 5 Mac ini dengan penyertaan beberapa pasukan sekitar Melaka ini selain negeri lain.

"Pembangunan bola sepak wanita Malaysia agak ketinggalan berbanding negara Asia lain berikutan itu penganjuran kejohanan Piala Datin Seri Utama Munira amat kena pada masanya.

"Kami juga amat gembira dengan ke-sungguhan Datin Seri Utama Munira yang mahu melihat kejohanan ini berlangsung dengan jayanya," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Liga Bola Sepak Wanita Melaka 2022, Piala Datin Seri Utama Munira di Seri Bendahari, 2 Mac lalu.

Pelancaran kejohanan itu dan pengenalan Piala Datin Seri Utama Munira disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Siti Faidul Maisarah berkata, pada awalnya penyertaan dihadkan kepada pasukan sekitar Melaka, namun jawatankuasa kejohanan bersejua membuka penyertaan kepada negeri lain atas permintaan pelbagai pihak.

Menurutnya, hadiah yang ditawarkan berupa wang tunai RM3,000 beserta piala pusingan dan medal buat juara, RM2,000 beserta medal buat naib juara dan RM1,500 serta medal buat tempat ketiga.

"Kita jangkakan kejohanan liga wanita ini akan berakhir selepas sambutan Aidilfitri depan dengan mematuhi SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.



LIGA SUPER MALAYSIA

Jadual perlawanan Melaka United 2022

 VS  <p>8 MAC 2022 SELASA STADIUM BANDARAYA</p>	 VS  <p>10 MEI 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT</p>
 VS  <p>5 APRIL 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT</p>	 VS  <p>17 MEI 2022 SELASA STADIUM SMZA</p>
 VS  <p>9 APRIL 2022 SABTU STADIUM KLFA</p>	 VS  <p>20 MEI 2022 JUMAAT STADIUM HANG JEBAT</p>
 VS  <p>16 APRIL 2022 SABTU STADIUM DARUL MAKMUR</p>	 VS  <p>25 JUN 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT</p>
 VS  <p>6 MEI 2022 JUMAAT STADIUM DARUL AMAN</p>	 VS  <p>2 JULAI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT</p>

www.melakaharini.my | Melaka Hari Ini | Melaka Tv | Grafik: Melaka Hari Ini | Sumber: Malaysian Football League (MFL)